**PIP, harap Pusat lulus**
MS 4 & 9




**Polisi larangan guna tukang masak asing berkuatkuasa**
MS 24

PERCUMA

buletin Mutiara

Cekap Akauntabel Telus

www.buletinmutiara.com

1 – 15 FEBRUARI, 2016

http:www.facebook.com/buletinmutiara
http:www.facebook.com/cmlimguaneng

# Denggi, segera jumpa doktor jika demam

## Enam kes kematian direkodkan dalam tempoh 30 hari pertama tahun ini

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD & AMANDA KHONG XIA LING**

**BERAPIT –** Dalam tempoh 30 hari pertama pada tahun ini, enam kes kematian akibat denggi direkodkan di negeri ini, berbanding hanya dua kes dalam tempoh sama tahun lalu.

Antara kes yang direkodkan termasuk membabitkan pelajar, Muhamad Yusof Ismail, 13, meninggal dunia pada 7 Januari lalu, selepas menerima rawatan di Hospital Pulau Pinang (HPP) sehari sebelumnya.

Manakala, Lim Yin Xuang, 28, meninggal dunia pada 18 Januari lalu.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng meminta semua pihak meningkatkan langkah waspada, termasuk segera mendapatkan rawatan susulan apabila demam.

"Tahun lepas (2015), ada 19 kematian akibat denggi, manakala tahun 2014 ada 12 (kes), tetapi dalam 30 hari pertama tahun ini sudah ada enam rekod kematian akibat gigitan nyamuk Aedes.

"Janganlah lebih ramai mati akibat denggi, jaga kebersihan dan hapuskan kawasan pembiakan nyamuk Aedes serta segera jumpa doktor apabila demam.

"Mungkin sayalah seorang Ketua Menteri yang masih melawat keluarga mangsa, tetapi yang lebih penting adalah semua perlu waspada dan sedar akan bahaya wabak ini," katanya semasa menziarahi keluarga mendiang Yin Xuan di Kampung Berapit di sini baru-baru ini.

Difahamkan, kes terbaru tersebut sebenarnya berlaku di rumah



**ISMAIL Samsuddin (tengah) menunjukkan gambar anaknya yang meninggal dunia akibat denggi pada 7 Januari lalu kepada Ketua Menteri yang mengadakan lawatan ke kediamannya di Kampung Jawa, George Town sambil diperhatikan Dr. Afif Bahardin (kanan sekali) baru-baru ini.**

mendiang dekat Machang Bubuk.

Sambil merakamkan takziah daripada Kerajaan Negeri, Guan Eng turut menyampaikan sumbangan RM500 kepada ayah mendiang.

Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin dan Chong Eng (Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat) turut sertai majlis ziarah itu.

Hadir sama, Pegawai Kesihatan Daerah Seberang Perai Tengah (SPT), Dr. Rafidah Md. Noor dan Pegawai Kawalan Penyakit Pusat Kesihatan Daerah, Dr. Mohd. Azfar Zainuddin.

Dalam perkembangan berasingan, Guan Eng dan Afif turut melawat keluarga arwah Muhamad Yusof, sebelum itu.

Dalam lawatan berkenaan, ayah mangsa, Ismail Samsuddin, 50, memberitahu bahawa anaknya aktif serta langsung tidak menunjukkan tanda-tanda suspek denggi.

Selepas dikejarkan ke HPP, Muhamad Yusof yang juga pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Westland menunjukkan tanda-tanda luar biasa, hingga dimasukkan ke Unit Rawatan Rapi (ICU).

"Dia (Muhamad Yusof) sangat aktif walaupun demam, dia sama sekali tidak menunjukkan sebarang tanda-tanda (denggi).

"Dia masih berselera makan semasa kami sekeluarga pergi melawat," katanya di kediamannya dekat Jalan Kampung Jawa, George Town.

Dalam reaksi spontan kepada wartawan yang hadir, Afif menggesa semua pihak menggandakan usaha pencegahan wabak tersebut, termasuk memastikan kawasan rumah masing-masing tidak menjadi kawasan pembiakan nyamuk Aedes.

"Saya meminta orang ramai supaya lebih proaktif dalam mencegah kes-kes denggi, dengan mengambil beberapa langkah-langkah pencegahan yang mudah (seperti) pastikan tiada lopak air untuk mana-mana tempat pembiakan yang berpotensi.

"Dinasihatkan menggunakan pengewap, ubat nyamuk atau semburan racun serangga di dalam rumah dalam tempoh masa 6 petang hingga 8 malam dan 6 pagi hingga 8 pagi, kerana ini adalah masa nyamuk paling aktif, selain menggunakan penghalau nyamuk, jika anda cenderung untuk berada di luar rumah banyak," ujarnya.

Susulan itu, Afif dengan kerjasama Jabatan Kesihatan Daerah telah membuat tinjauan di kawasan-kawasan dikenalpasti sebagai lokasi wabak, termasuk di kawasan rumah teres dan flat Taman Seri Janggus dekat Machang Bubuk.

Rafidah, Mohd. Azfar serta kakitangan Jabatan Perbandaran Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) turut sertai lawatan itu.

Rafidah mendedahkan, Machang Bubuk merupakan kawasan yang mempunyai kes tertinggi di SPT dalam tempoh 18 hari pertama pada tahun ini (18 Januari 2016), dengan 14 kes denggi direkodkan di flat tersebut dan 13 kes lain di kawasan rumah teres di sini.

"Sekarang (wabak) masih lagi terkawal, tetapi kes paling banyak di SPT.

"Memang kita mengharapkan tiada lagi kes baru, jika ada kes baru, akan jadi wabak tak terkawal," jelas beliau.

Selepas itu, Afif turut mengadakan tinjauan lokasi wabak di Taman Desa Murni dekat Sungai Dua serta mengadakan perbincangan lanjut dengan ADUN setempat, Muhamad Yusoff Mohd. Noor.

*(Bersambung di muka surat 2 & 3)*

# Penguatkuasa MBPP terima ancaman semasa bertugas dibela

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **LAW SUUN TING**

**GEORGE TOWN** – Seramai 12 penguatkuasa Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) yang menghadapi ancaman semasa menjalankan tugas masing-masing dalam dua kejadian baru-baru ini, akan terus dibela serta dipertahankan oleh Kerajaan Negeri.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata demikian, sambil menyampaikan peruntukannya sebanyak RM200 kepada tiap-tiap mereka yang terbabit sebagai insentif.

"Kerajaan Negeri akan mempertahankan dan membela mana-mana pegawai atau anggota Kerajaan Negeri, baik MBPP atau MPSP (Majlis Perbandaran Seberang Perai), sekiranya mereka menjalankan tugas mengikut SOP (Prosedur Kendalian Standard) dan undang-undang," katanya pada majlis sidang media di sini baru-baru ini.

Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon, Prof. Dr. P. Ramasamy (Timbalan Ketua Menteri II), Chow Kon Yeow (Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir) dan Dato' Abdul Malik Abul Kassim (Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna) turut sertai sidang media itu.

Hadir sama, Datuk Bandar MBPP, Dato' Patahiyah Ismail, Setiausaha Bandaraya MBPP, Ir. Ang Aing Thye serta dua Ahli Majlis MBPP, Ahmad Azrizal Tahir dan Joseph Ng Soon Siang.

Dalam kejadian di Padang Kota sebelum ini, seorang peniaga tanpa lesen bertindak mengacu satu alatan tajam kepada penguatkuasa yang menjalankan tugas di sini.

Penguatkuasa terbabit, Mohd. Azizan Md. Desa, Ahmad Shahar Sal Hamid, Daud Ahmad, Anuar Faizal Che Amil, Hizwan Hanafi, S. Kartikgeyan, Mohamad Azri Mohamood, Mohd. Khaironizam Ramli dan Suvitri Mohd. Kusin.

Manakala, tiga penguatkuasa lain, Muhamad Hilmi Mohd. Ismail, Muhamad Aiman Jamaluddin dan Muhamad Kamil Md. Zahari berdepan ancaman daripada seorang pemandu teksi yang enggan mengalihkan kenderaannya yang didapati mengganggu trafik jalan, dalam suatu kejadian lain di Persiaran Gurney.

Sementara itu, dua penguatkuasa terbabit yang ditemui kemudian turut berkongsi pengalaman semasa berdepan dengan ancaman di tempat kejadian.

"Kita pun nak jaga keselamatan kita, dan peniaga terbabit pun mungkin dalam situasi marah, maka berlakulah pergelutan, termasuk mengacu senjata tajam.

"Apabila kita berjaya mengawal situasi itu, alatan perniagaan tanpa lesen tersebut disita, dan kita buat aduan polis mengenai peniaga terbabit," jelas penguatkuasa MBPP terbabit yang enggan identitinya diketahui umum.

Seorang lagi penguatkuasa memberitahu bahawa mereka masing-masing didedah dengan teknik mempertahan diri peringkat asas semasa menjalankan tugas.



**PARA Penguatkuasa MBPP saling berinteraksi dengan pengarahnya, Shalehudin Hashim (bertali leher) selepas sidang media di sini baru-baru ini.**



**BEBERAPA Penguatkuasa MBPP menunjukkan cara mereka 'dikasari' dalam dua kejadian berkaitan.**

"Latihan mempertahan diri dalam proses untuk dibuat lebih kerap, itupun berdasarkan undang-undang sama ada boleh atau tidak," respons beliau.

Manakala, Ahli Majlis MBPP, Ahmad Azrizal pula menjelaskan bahawa pihak berkuasa tempatan (PBT) berkenaan sejak beberapa tahun lalu berusaha memohon penubuhan pasukan polis bantuan, namun, masih belum diluluskan.

"Sejak dua tahun lalu, diminta, tetapi tak dapat (kelulusan).

"Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dapat (kebenaran menubuhkan pasukan polis bantuan), PBAPP (Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang) dapat, tetapi MBPP masih belum dapat (kelulusan permohonan) lagi," respons beliau.



**BEBERAPA Pekerja Am Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) sedang membersihkan parit berhampiran flat Taman Seri Janggus.**

*(Dari muka surat depan)*



**▲ JENTIK-JENTIK turut kelihatan di atas sebidang kain rentang terpakai yang mempunyai air bertakung.**



**AIR bertakung yang terperangkap dalam tayar dan bekas terpakai di sekitar kawasan Taman Desa Murni, dipercayai antara sarang pembiakan nyamuk Aedes.**



**DR. Afif Bahardin (kiri) dan Muhamad Yusoff Mohd. Noor meneliti jentik-jentik dalam tayar yang mempunyai air bertakung pada lawatan sekitar kawasan wabak denggi berhampiran Taman Desa Murni, Sungai Dua baru-baru ini.**

# Pusat punyai kuasa tentukan harga siling rumah - Exco

**DATUK KERAMAT –** Menteri dari Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Datuk Abdul Rahman Dahlan dibidas ekoran kenyataan beliau yang menyatakan bahawa Kerajaan Pusat tidak mempunyai kuasa mengawal pembinaan rumah mahal di Malaysia.

Exco Perancangan Bandar dan Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo sebagai mengulas berkata, selain menafikan kuasa yang ada pada Kerajaan Pusat, Abdul Rahman turut memberi alasan bahawa Malaysia merupakan sebuah negara demokrasi dan bukannya (negara) komunis dalam memaksa pemaju membina rumah 'murah'.

"Saya sebagai Exco bertanggungjawab dalam hal ini (perumahan), saya ingin membidas sekeras-kerasnya kenyataan Abdul Rahman.

"Jangan jadikan alasan negara demokrasi dengan menidakkan tanggungjawab dalam menyediakan rumah kos rendah (KR), sederhana rendah (KSR) dan mampu milik (MM) kepada rakyat.

"Harga rumah ditentukan berdasarkan pasaran semasa, namun Kerajaan Pusat masih punyai kuasa dalam menentukan harga siling.

"Jika beliau (Abdul Rahman) ingin melihat contoh, beliau (Abdul Rahman) boleh datang ke Pulau Pinang dan kita (Kerajaan Negeri) akan tunjukkan cara-caranya (bagaimana menyediakan perumahan untuk rakyat pelbagai lapisan)," katanya pada sidang media selepas menyampaikan sumbangan kaki palsu kepada salah seorang penduduk di sini baru-baru ini.

Jagdeep yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat, dalam pada itu menuntut supaya Abdul Rahman memohon maaf kepada rakyat Malaysia atas kegagalannya menggalas tanggungjawab sebagai menteri berwajib dalam menyediakan rumah untuk rakyat.

Tidak seperti Pulau Pinang, Jagdeep memberitahu, Kerajaan Negeri sentiasa meletakkan isu penyediaan rumah sebagai keutamaan dengan mengambil pelbagai inisiatif, antaranya kerjasama antara kerajaan dengan pemaju swasta, memperkenalkan moratorium dalam kaedah 'penyejukkan' harga rumah dan menjadikan pembekalan rumah mampu milik di kelima-lima daerah sebagai kenyataan.

"Saya berharap Abdul Rahman dan Kerajaan Pusat perlu lebih teliti dan segera mengambil langkah-langkah wajar bagi menangani kenaikan harga rumah di Malaysia demi kepentingan rakyat," ujar beliau.

# KN umum penjenamaan semula skim perumahan KR & KSR

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri baru-baru ini mengumumkan penjenamaan semula rumah kos rendah (KR) dan kos sederhana rendah (KSR) sebagai masing-masing rumah mampu milik Jenis A dan Jenis B.

Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo berkata, melalui penjenamaan semula skim-skim perumahan di Pulau Pinang, KR berharga RM42,000 akan dikenali sebagai rumah mampu milik Jenis A, manakala rumah KSR (RM72,500, rumah mampu milik Jenis B).

"Setelah dipersetujui oleh Jawatankuasa Pemantauan Pelaksanaan Keputusan, Majlis Perumahan Negara (MPN) yang telah bermesyuarat pertama kali pada 18 Januari lalu, Pulau Pinang kini menjenamakan semula kesemua skim-skim perumahan sedia ada.

"Penjenamaan semula turut merangkumi rumah mampu milik berharga RM150,000 yang kini dikenali sebagai rumah mampu milik Jenis C, Jenis D (RM200,000), Jenis E (RM300,000) dan Jenis F (RM400,000)," katanya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Menurut Jagdeep, tindakan menjenamakan semula skim-skim perumahan mampu milik di negeri ini adalah ekoran perkataan 'rendah' memberikan konotasi negatif dan menjadi stigma kepada pembeli unit berkenaan.

"Selain itu, pembeli-pembeli unit juga kemungkinan besar merupakan pembeli rumah kali pertama dan adalah tidak wajar untuk melabelkan mereka (pembeli rumah pertama) dengan konotasi sedemikian," ujarnya.

Jagdeep bagaimanapun tidak menafikan kemungkinan akan terdapat beberapa implikasi perundangan ekoran beberapa peraturan disebut khusus untuk perumahan kos rendah yang mungkin memerlukan pindaan dilakukan.

"Saya telah membangkitkan isu ini (implikasi terhadap undang-undang akibat penjenamaan semula) pada mesyuarat yang berlangsung (18 Januari 2016), dan Datuk Halimah Mohamed Sadique (Timbalan Menteri di Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, KPKT) telah bersetuju merujuknya kepada satu jawatankuasa berasingan untuk dipertimbangkan," jelas beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat.

Sementara itu, dalam mesyuarat sama, Jagdeep turut menyatakan bahawa Kerajaan Negeri tetap dengan pendirian tidak akan menaikkan harga siling perumahan sebagaimana dinyatakan dalam Garis Panduan Pelaksanaan Harga Kos Rendah (Pindaan) 2002 iaitu dari RM42,000 semasa kepada RM65,000 untuk perumahan KR dan RM72,500 kepada RM100,000 bagi perumahan KSR.



JAGDEEP Singh Deo menunjukkan dokumen berkaitan pada sidang media di sini baru-baru ini .



# KM harap Pusat lulus PIP demi kepentingan nasional

**SEBERANG JAYA** – Demi kepentingan nasional, Kerajaan Pusat diharap meluluskan permohonan Kerajaan Negeri untuk merealisasikan Pelan Induk Pengangkutan (PIP) bernilai kira-kira RM27 bilion di Pulau Pinang.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, pelan menangani masalah kesesakan trafik serta meningkatkan mutu pengangkutan awam secara bersepadu itu akan dilaksanakan mulai tahun 2017 hingga 2030, serta memberi manfaat kepada rakyat Malaysia di negeri ini sehingga tahun 2050.

"PIP dibiayai 100 peratus oleh Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat satu sen pun tak keluar (peruntukan).

"Sungguhpun dibiayai oleh Kerajaan Negeri melalui hasil tambak laut di selatan (bahagian) Pulau, tetapi, kerana di bawah bidang kuasa Kerajaan Pusat, kita mesti dapat kelulusan mereka (Kerajaan Pusat).

"Kita (Kerajaan Negeri) harap, demi kepentingan rakyat dan nasional, walaupun Kerajaan Pusat tidak perlu keluarkan wang (peruntukan), mereka boleh berikan kelulusan," katanya.

Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Penerangan, Kebudayaan & Kesenian, Warisan dan Hal Ehwal Bukan Islam berkenaan berkata demikian pada Majlis Penerangan Awam Mengenai PIP Kepada Warga Seberang Perai di Kompleks Ibu Pejabat MPSP dekat Bandar Perda di sini.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow, Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Dato' Maimunah Mohd Sharif serta Pegawai Komunikasi Korporat Konsortium SRS selaku rakan pelaksana projek (PDP) turut tampil sebagai panel dalam forum dua hala itu.

Hampir semua Exco dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pakatan Harapan menyertai majlis rundingan awam itu.

Selain mengadakan rundingan awam, difahamkan, Kerajaan Negeri melalui PDP mesti mendapatkan kelulusan Penilaian Impak Sosial (SIA) dan Kajian Terperinci Impak Alam (DEIA) serta kelulusan berwajib yang lain daripada agensi Persekutuan, sebelum memulakan kerja-kerja penambakan di kawasan tersebut.

Ini kerana, berdasarkan undang-undang, difahamkan, Kerajaan Negeri mesti mendapatkan kelulusan Kerajaan Pusat melalui Majlis Perancangan Fizikal Negara (MPFN), jika projek tambak laut adalah melebihi 100 hektar atau melibatkan 10,000 orang di negeri ini.

Selain itu, Guan Eng memberitahu, Kerajaan Pusat sejak Tun Abdullah Ahmad Badawi menjadi Perdana Menteri lagi pernah berjanji untuk membina jajaran transit aliran ringan (LRT) di bahagian Pulau, namun sehingga kini didakwa seperti "menanam tebu di bibir".

Tambah beliau, di bawah pentadbiran Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini pun, janji untuk membina 20,000 unit rumah mampu milik dan monorel menjelang Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU13) lalu masih belum ditunaikan sehingga sekarang.

# Sepatutnya PIP 'tanggungjawab' Pusat, kata ADUN Batu Maung

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**




**LAKARAN grafik cadangan pangkalan nelayan yang akan diwujudkan.**

**BAYAN LEPAS** – Penarafan jalan serta pemajuan rumah mampu milik sebenarnya di bawah tanggungjawab Kerajaan Pusat jika berdasarkan Senarai Persekutuan dalam Perlembagaan, tetapi Kerajaan Negeri hari ini terpaksa melaksanakan Pelan Induk Pengangkutan (PIP) demi menangani masalah kesesakan trafik pada masa depan di Pulau Pinang.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung, Dato' Abdul Malik Abul Kassim berkata demikian pada Majlis Penerangan Awam Mengenai PIP Kepada Jawatankuasa Kemajuan & Keselamatan Komuniti (JKKK) berwajib baru-baru ini.

"Pemajuan perumahan dan pembinaan sistem jalan raya sebenarnya adalah tanggungjawab Kerajaan Pusat, dan pada tahun 2008, 2009 dan 2010, kita (Kerajaan Negeri) telah berusaha untuk memasukkan projek-projek ini dalam Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK-10) dan RMK-11.

"Kita (Kerajaan Negeri) telah berkali-kali meminta Kerajaan Pusat membina dan melebarkan jalan raya serta mewujudkan sistem bas rapid transit (BRT) dan sebagainya, tetapi, malangnya Kerajaan Pusat tidak memberikan keutamaan kepada Pulau Pinang," katanya yang juga Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna pada sesi berkaitan.

Penerangan lanjut mengenai PIP yang bernilai kira-kira RM27 bilion itu disampaikan Azmi Mohamad, iaitu wakil komunikasi korporat bagi Konsortium SRS, iaitu rakan pelaksana projek (PDP) yang dilantik oleh Kerajaan Negeri pada 23 Oktober tahun lalu.

"Ia adalah sebuah pulau, bukan tebus guna yang rapat dengan pantai sedia ada.




**ABDUL Malik Abul Kassim memberi penerangan pada Majlis Penerangan Awam Mengenai PIP Kepada JKKK berwajib di sini baru-baru ini.**

"Jarak antara pantai dan pulau (kawasan yang ditebus guna) adalah antara 200 (meter) hingga 300 meter.

"Maksudnya, penduduk yang terlibat dan jeti atau kawasan tambatan sampan itu tidak akan terlibat dan diganggu oleh cadangan projek tebus guna ini.

"Kalau dengan (tebus guna di) 'Pulau A' dan 'Pulau B' ini, cukup untuk kita biayai PIP ini," jelasnya.

Beliau memberitahu, akan ada enam laluan masuk ke kedua-dua kawasan tambakan itu.

Pada sidang media selepas itu, Abdul Malik memberitahu bahawa usaha mengadakan rundingan awam, termasuk dengan JKKK serta nelayan-nelayan terbabit akan dilaksanakan, sungguhpun ura-ura akan dipulau oleh segelintir pihak yang tidak bertanggungjawab.

Pada 9 Disember lalu, Abdul Malik mengadakan rundingan awam dengan kira-kira 120 nelayan di sekitar Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Batu Maung.

Jelas beliau, Kerajaan Negeri akan terus mengadakan rundingan awam dengan nelayan-nelayan pantai, termasuk dari Permatang Damar Laut, sehinggalah PDP mendapat kelulusan Penilaian Impak Sosial (SIA) dan Kajian Terperinci Impak Alam (DEIA) serta kelulusan berwajib lain daripada agensi Persekutuan, bagi memulakan kerja-kerja penambakan di kawasan berkaitan.

PIP merupakan projek pemajuan sistem trafik bersepadu yang meliputi pembinaan beberapa batang lebuh raya, termasuk dari pulau ke Seberang Perai.

Pelan itu turut terdiri oleh pemajuan satu jajaran transit aliran ringan (LRT) serta dua monorel di bahagian pulau, serta satu LRT lain merentasi laut ke tanah besar Seberang Perai.

Selain itu, satu lagi jajaran monorel lain serta BRT turut akan diwujudkan di Seberang Perai.

Manakala, hasil tambakan laut untuk membiayai kos pemajuan PIP akan memastikan Kerajaan Negeri dan rakyat memiliki kepentingan serta aset pengangkutan awam tersebut, bukannya pihak swasta.

## PIP: Jika Pusat tidak lulus, rakyat negeri harus berdepan masalah kesesakan rumit

**BAYAN LEPAS** – Lebih 300 nelayan mewakili Persatuan Nelayan Pulau Pinang Selatan menghadiri sesi Taklimat Pelan Induk Pengangkutan (PIP) dan Skim Tebus Guna Pulau Pinang Selatan di Dewan Mutiara, Lembaga Tabung Haji di sini baru-baru ini.

Taklimat yang merupakan siri ke-sembilan tersebut dianjurkan bersama oleh rakan kongsi pelaksana projek (*project delivery partner,* PDP) PIP, SRS Consortium Sdn. Bhd. (SRS) dengan kerjasama Kerajaan Negeri.

Ketua Menteri, Y.A.B Tuan Lim Guan Eng yang hadir pada sesi taklimat tersebut berkata, sebelum ini Kerajaan Negeri telahpun mengadakan beberapa siri taklimat dan penerangan kepada beberapa kumpulan sasaran termasuk taklimat kepada Ahli-ahli Parlimen dan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Pinang.

"Melalui siri taklimat ini diharap, kita (Kerajaan Negeri dan SRS) dapat memperoleh input-input terutama daripada kumpulan terbabit dengan pelaksanaan PIP ini.

"Segala input mahupun pandangan akan diambil kira bagi mencari alternatif terbaik dan komprehensif dalam melaksanakan PIP, itupun sekiranya Kerajaan Pusat meluluskan cadangan Pulau Pinang," ucap di sini.

Hadir sama, Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow; Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin; Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Abdul Malik Abul Kassim yang iuga merupakan ADUN Batu Maung serta Exco Kerja Raya, Utiliti dan Pengangkutan, Lim Hock Seng serta Ahli Parlimen Bayan Baru, Sim Tze Tzin.

Dato' Abu Jamal Nordin, Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) dan Szeto Wai Loong, Pengarah Projek SRS turut sama hadir dalam sesi pertemuan selama tiga jam itu.

Dalam pada itu, Kon Yeow ketika diminta mengulas menegaskan bahawa PIP masih di peringkat cadangan dan masih menunggu kelulusan daripada Kerajaan Pusat.

"Sekiranya PIP tidak diluluskan oleh Kerajaan Pusat, maka PIP tidak akan dilaksanakan dan rakyat Pulau Pinang harus berdepan dengan masalah kesesakan lalulintas yang rumit pada masa hadapan," katanya.

PIP disediakan untuk Permintaan Pembangunan Jangka Masa Panjang, 2015 – 2065 berbanding cadangan sebelum ini di bawah *Halcrow Consulting Incorporated,* iaitu sehingga tahun 2030 sahaja.

Pelan yang dijangka menelan kos RM27 bilion berkaitan antara lain dilihat dapat menjana 64 peratus pertumbuhan ekonomi Pulau Pinang pada masa hadapan dengan 15 tahun pertama (2016-2030) diunjurkan pertumbuhan 15 peratus setahun bagi Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negeri.

# Mangsa kebakaran dapat perhatian KM & Kerajaan Negeri

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **LAW SUUN TING & PPK**

**TELUK KUMBAR –** Nasib menimpa mangsa kebakaran, Rosshina Abd. Latif, 24, yang kehilangan suami dan bayinya dalam kejadian kebakaran dekat Kampung Nelayan di sini pada 22 Januari lalu memperoleh perhatian Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng.

Guan Eng yang tiba di perkarangan Masjid Maqbul meluangkan masa kira-kira 30 minit untuk bertanyakan khabar dan menyampaikan sumbangan khas daripada beliau kepada balu terbabit.

Guan Eng ketika ditemui berkata, bantuan kewangan berjumlah RM4,000 disumbangkan khas kepada Rosshina yang kehilangan suami (Mohd. Nazri Zainal Abidin, 29) serta bayinya, tiga bulan (Damia' Ulayyah Salsabila).

"Masing-masing RM2,000 diperuntukan buat setiap mangsa yang meninggal dunia.

"Kita berharap, isteri mangsa dapat tabah dan cekalkan hati untuk meneruskan kehidupan.

"Selebihnya, kita serahkan kepada pihak polis (Polis Diraja Malaysia, PDRM) dan bomba (Pasukan Bomba dan Penyelamat) untuk menjalankan siasatan berhubung kes ini," katanya dalam nada sebak di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon, Phee Boon Poh (Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar) dan Mohamad Sabu (bekas Ahli Lembaga Pengarah Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang , PBAPP).

Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Bayan Lepas, Azrul Mahathir Aziz, Pegawai Penerangan Kerajaan Negeri, Zahar Zainul dan Pengerusi Kariah Masjid Maqbul, Datuk Prof. Idris Salleh turut hadir.

Dalam kejadian jam 2.17 pagi tersebut, mangsa, Mohd. Nazri dan anaknya Damia terkorban dipercayai gagal menyelamatkan diri, manakala, empat mangsa lain yang cedera dihantar ke Hospital Pulau Pinang (HPP) bagi mendapatkan rawatan lanjut.

Kebakaran yang berlaku turut memusnahkan tiga kediaman di sini.

Tambah Guan Eng, bagi setiap keluarga yang kehilangan tempat tinggal, bantuan kewangan daripada Tabung Bencana Yang di-Pertua Negeri masing-masing berjumlah RM1,000 disumbangkan kepada mangsa.

Dalam pada itu, Mohd. Rashid yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Jerejak ketika ditemui selepas majlis pengkebumian di sini memberitahu bahawa beliau turut memperuntukkan RM1,000 masing-masing kepada mangsa terlibat.

Terdahulu, dimaklumkan Pusat Urus Zakat (PUZ) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) turut menyampaikan sumbangan masing-masing berjumlah RM400 dan RM500 kepada tiga keluarga terlibat.



**KETUA Menteri sambil ditemani Mohd. Rashid Hasnon (bersongkok), Mohamad Sabu (berdiri, empat dari kanan) dan Azrul Mahathir Aziz (kiri sekali) menyerahkan sumbangan kepada Rosshina Abd. Latif (duduk, tengah) di sini baru-baru ini.**



**AZRUL Mahathir Aziz (berbaju ungu) mengadakan pertemuan dengan sebahagian mangsa terlibat.**



**KEADAAN salah sebuah kediaman yang terlibat.**




**Tabung Usahawan Tani Muda merupakan program skim mikro kredit oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang menawarkan pinjaman tanpa faedah berjumlah RM5,000 bagi membantu usahawan-usahawan tani di negeri ini memperkembangkan perusahaan masing-masing.**

**Antara penerima skim Tabung Usahawan Tani Muda yang berjaya dan cemerlang ialah Muhammad Hashim yang mengusahakan tanaman sayur-sayuran di Daerah Seberang Perai Tengah (SPT); Mohd. Salmee Ismail (penanaman sayur-sayuran, Daerah SPT) dan Khairul Nizam Mat Taib (penternakan ayam piru, Daerah Seberang Perai Utara, SPU).**

**Daftarlah sekarang!!**

# Kolam takungan didalam, wujud taman rekreasi manfaat komuniti

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**JAWI –** Atas keprihatinan pemaju Tambun Indah Land Berhad (Tambun Indah), kerja-kerja mendalamkan kolam takungan banjir di Taman Linear Bandar Tasek Mutiara siap, selain mewujudkan taman rekreasi mini untuk manfaat komuniti setempat di sini baru-baru ini.

Sambil memuji keprihatinan pemaju, Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow berharap, projek penarafan yang dilaksanakan menerusi tanggungjawab sosial korporat (CSR) itu mampu mengurangkan risiko banjir kilat di sekitar kawasan tersebut.

"Kita (Kerajaan Negeri) mengucapkan terima kasih kepada Tambun Indah atas keprihatinan dan inisiatif ini, iaitu mengurangkan impak sekiranya berlaku banjir kilat di sekitar kawasan ini," katanya pada Majlis Perasmian Projek CSR Taman Linear Bandar Tasek Mutiara di sini.

Menurut Kon Yeow, kerja-kerja mendalamkan kolam takungan banjir serta pembinaan semula sistem parit monsun di sini menelan belanja RM1.42 juta.

Difahamkan, kolam takungan banjir seluas 16,375 meter persegi, didalamkan sehingga 2 meter, serta mampu menampung isipadu air sebanyak 32,750 meter kubik pada satu-satu masa berlaku bencana banjir.

Manakala, kos menyediakan bangku rehat, jejak joging dan alat senam terbuka serta kerja-kerja landskap di kawasan taman rekreasi mini tersebut menelan belanja RM480,000, disumbang oleh Pengerusi Tambun Indah, Teh Kiak Seng.

Mengulas lanjut, Kon Yeow memberitahu bahawa, kos keseluruhan projek penarafan dan CSR di Taman Linear itu adalah berjumlah RM1.9 juta.

Dalam perkembangan lain, Kon Yeow turut mengulas mengenai risiko banjir yang pernah dialami penduduk di Taman Puteri Gunung, di sini.

"Saya masih menunggu satu lagi keputusan yang sedang dibuat, iaitu di (Taman) Puteri Gunung, di mana kawasan banjir yang perlu didalamkan, tetapi kita (Kerajaan Negeri) menghadapi pencerobohan tanah atas rizab yang perlu diambil tindakan oleh Pejabat Daerah (Dan Tanah, Seberang Perai Selatan).

"Saya berharap jurutera MPSP pun dapat memantau," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota.



**CHOW Kon Yeow (empat dari kiri), Mansor Othman (tengah) dan Maimunah Mohd. Sharif (tiga dari kanan) menyempurnakan gimik Majlis Perasmian Projek CSR Taman Linear Bandar Tasek Mutiara di sini baru-baru ini.**




**KAWASAN kolam takungan banjir Taman Linear Bandar Tasek Mutiara, selepas siap dinaiktaraf.**



**TANAH rizab berhampiran kolam takungan banjir turut diwujudkan taman rekreasi mini untuk manfaat komuniti setempat.**

Sebelum itu, Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Dato' Maimunah Mohd. Sharif memberitahu, Bandar Tasek Mutiara khususnya di Taman Linear pernah mengalami kejadian banjir kilat yang teruk pada 28 November 2013.

ADUN Jawi, Soon Lip Chee, Dato' Mansor Othman (Ahli Parlimen Nibong Tebal) serta dua Ahli Majlis MPSP, Jason H'ng Mooi Lye dan Heng Yeh Shiaun antara pemimpin negeri yang hadir pada majlis itu.

Masing-masing menyempurnakan acara penanaman pokok teduh, sebagai gimik pembukaan semula kawasan tersebut untuk manfaat komuniti setempat.

# Pekan Lama Butterworth bakal 'diremajakan'

**BUTTERWORTH –** Pekan Lama Butterworth yang mempunyai nilai warisan tersendiri merupakan antara empat lokasi yang akan 'diremajakan' oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dalam tempoh lima tahun akan datang.

Menurut Yang di-Pertua MPSP, Dato' Maimunah Mohd. Sharif, rancangan pembangunan di bawah Program Butterworth Baharu itu akan direalisasikan bersama-sama Think City Sdn. Bhd. (ThinkCity).

"Sepertimana dibuat di peringkat (bandar raya) George Town, ThinkCity juga memberikan geran untuk kerja-kerja pemuliharaan semula beberapa kawasan Butterworth.

"Empat program yang akan kita fokus (untuk kerja-kerja pemuliharaan) iaitu Pekan Lama, *Penang Sentral, Butterworth Waterfront* dan Sungai Perai," jelasnya pada Majlis Pemeteraian Perjanjian Persefahaman (MoU) Antara MPSP dan ThinkCity Dalam Meremajakan Butterworth di sini baru-baru ini.

MOU ditandatangani Maimunah dan Pengarah Eksekutif ThinkCity, Hamdan Abdul Majeed itu turut disaksikan oleh Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng.

Turut serta, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon, Prof. Dr. P. Ramasamy (Timbalan Ketua Menteri II), Chow Kon Yeow (Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir), Dato' Abdul Malik Abul Kassim (Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna) serta Sr. Rozali Mohamud (Setiausaha Perbandaran bagi MPSP).

Difahamkan, sejak 2011, MPSP telah bekerjasama dengan ThinkCity untuk tujuan berkaitan serta mengembalikan semula kegemilangan kawasan-kawasan pelancongan warisan berwajib. Kedua-dua pihak bekerjasama melakukan kajian lapangan dan penyelidikan terperinci mengenai potensi Butterworth dalam tempoh dua tahun, sejak 2014.

Pada tahun lalu sahaja, sebanyak 12 aktiviti dilakukan oleh MPSP bersama-sama ThinkCity.

Antaranya, *baseline survey & study of Downtown Butterworth, 1st International Arts Festival* dekat Butterworth di bawah *Butterworth Fringe Festival* (BFF), *Six Seberang Perai Stories,* gotong-royong dekat Taman Pantai, Jeti Lama dan Rope Walk Bagan.

Turut diadakan, rundingan awam dengan komuniti Taman Pantai serta kaum peniaga Rope Walk Bagan, penarafan Jalan Jeti Lama, Jalan Pasar dan Jalan Dato' Haji Ahmad Said, cetakan 12 poskad mengenai *Butterworth Quick Guide* dengan pemetaan informasi dalam internet *(www.Butterworthguide.com),* pemetaan masjid-masjid warisan di Seberang Perai, BFF serta Pelan Tindakan Pekan Lama.

"Penganjuran BFF pada tahun 2015 telah menarik 18,000 pengunjung ke kawasan jeti lama.

"Fokus lokasi 2016 dalam Pelan Tindakan Pekan Lama adalah meliputi empat kawasan iaitu Dewan Ria Community Facilities, Jeti Lama Heritage Quarter, Taman Pantai dan Rope Walk Taman Selatan (Bagan)," jelas Maimunah.



**MAIMUNAH Mohd. Sharif (dua dari kanan) dan Hamdan Abdul Majeed (empat dari kiri) saling bertukar dokumen perjanjian sambil diperhatikan Ketua Menteri dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri pada Majlis Pemeteraian MoU Antara MPSP dan ThinkCity Dalam Meremajakan Butterworth di sini baru-baru ini.**

Itu, katanya, tidak termasuk RM311,000 yang diberikan oleh beberapa pihak untuk menjalankan aktiviti lain, bersama-sama ThinkCity di Butterworth.

"Keseluruhan jumlah pelaburan bersama ini adalah kira-kira RM2.7 juta," ujarnya.

Selain diberi mandat meremajakan Butterworth Baharu, ThinkCity adalah agensi yang diberi peranan sama dalam memeriahkan semula nilai pembangunan di Bandaraya George Town, Kuala Lumpur dan Johor Bharu.

# KKM badan berkuasa penuh dalam isu vape - Exco

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**GEORGE TOWN** – Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan mengambil jalan tengah serta tidak bercadang untuk mengharamkan vape, seperti dilaksanakan sesetengah negeri lain.

Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin bagaimanapun berkata, pengusaha dan pengguna vape perlu mematuhi kawasan larangan merokok yang diwartakan oleh Kerajaan Negeri.

"Kita (Kerajaan Negeri) akan mengambil 'jalan tengah' dalam menangani isu berkenaan vape, kita (Kerajaan Negeri) juga masih dalam proses formulasi untuk membuat dasar.

"Di Pulau Pinang, kita ada Kempen Penang Bebas Asap Rokok (PENBAR).

"Melalui PENBAR, ianya tertakluk juga kepada pengguna vape bahawa kawasan-kawasan diwartakan KKM (Kementerian Kesihatan Malaysia) sebagai lokasi larangan merokok adalah kekal, termasuk di kawasan George Town Tapak Warisan Dunia UNESCO", katanya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya kepada pemberita baru-baru ini.

Beliau berkata demikian selepas menyertai Forum Perbincangan 'Input' Vape, anjuran bersama Persatuan Pengusaha Vape dan Alternatif Tembakau (MEVTA) dan Persatuan Pengusaha Vape Pulau Pinang (PPVPP) di sini.

Lagipun, Afif memberitahu, KKM sendiri masih belum memberi pendirian yang muktamad berhubung isu berbangkit tersebut.

"Di sebalik keputusan Kerajaan Negeri ini, kita harus ingat bahawa Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) masih lagi sebagai sebuah badan yang berkuasa penuh dalam isu ini," jelasnya.

Pun begitu, menurut Afif, Ketua Menteri sendiri pada 5 Januari lalu turun padang untuk mendengar serta saling berbincang dengan pihak-pihak terbabit di Komtar, di sini.



MUHD. Hafidz Adnan (tengah) dan Rizani Zakaria (kanan sekali) menunjukkan peralatan vape kepada Dr. Afif Bahardin sejurus tamat penganjuran Forum Perbincangan 'Input' Vape di sini baru-baru ini.

# Cadangan gabung pelan pembangunan 3 daerah Seberang Perai dikaji

**DATUK KERAMAT** - Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD) negeri kini sedang mengkaji cadangan Kerajaan Negeri sama ada untuk menyatukan pelan projek pembangunan bagi keseluruhan Seberang Perai iaitu membabitkan tiga daerah di sini bagi memudahkan pelaksanaannya.

Exco Perancangan Bandar dan Desa & Perumahan, Jagdeep Singh Deo berkata, perkara itu akan dirujuk kepada Jawatankuasa Pembangunan Negeri (SPC) dalam masa terdekat.

"JPBD sedang mengkaji berkenaan pelan ini sekarang, jika ia boleh dilaksanakan, maka tiada lagi pelan yang dipecahkan mengikut daerah iaitu Seberang Perai Utara (SPU), Tengah (SPT) serta Selatan (SPS) dan apabila lulus, kita (JPBD) akan mewartakan pelan berkaitan.

"Keperluan untuk melaksanakan sesuatu pelan adalah begitu penting kerana ia melibatkan banyak projek besar seperti Pelan Induk Pengangkutan (PIP), pembangunan Batu Kawan dan beberapa projek lain yang perlu 'digabung' bagi memudahkan pelaksanaannya," katanya selepas program mengedarkan kalendar tahun baru di sekitar Pasar Awam Jalan Kuantan di sini baru-baru ini.

Pada program berkaitan, lebih 100 kalendar diedarkan secara percuma kepada para peniaga dan pengunjung di sini.

Mengulas lanjut, Jagdeep memberitahu bahawa apabila pelan tersebut berjaya digazetkan, ia mampu menjadi garis panduan bagi pembangunan masa depan dan susun atur perancangan kawasan Seberang Perai.

"Saya berharap penggabungan pelan ini dapat disegerakan dan apa yang lebih penting adalah pembangunan dapat dilaksanakan dengan baik dan betul," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat.



# Mitigasi Bukit Relau dipercepatkan, jangka siap Jun



KERJA-kerja mitigasi, penanaman rumput, pembinaan longkang serta laluan giat dijalankan bagi memastikan kestabilan puncak Bukit Relau tanpa menjejaskan keselamatan orang awam.



Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**BATU UBAN –** Kerja-kerja mitigasi untuk kestabilan struktur di atas Bukit Relau akan dipercepatkan dan dijangka siap pada bulan Jun ini.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow bagaimanapun berkata, aspek keselamatan akan tetap diutamakan dalam memulihara semula Bukit Relau dekat Batu Uban di sini.

"Antara projek mitigasi yang sedang berjalan ialah membina saliran longkang, menambahbaik kolam enapan sedia ada serta kolam baharu, membina longkang sementara, penanaman rumput di cerun bukit dan pelaksanaan kerja penstabilan cerun.

"Kerja-kerja mitigasi penstabilan struktur dijangka siap sekurang-kurangnya pada Jun 2016 dengan menelan belanja hampir RM50 juta dari pemilik tanah General Accomplishment Sdn. Bhd.," ujarnya pada sidang media di puncak bukit berkenaan di sini baru-baru ini.

Menjawab soalan pemberita, Kon Yeow memberitahu bahawa Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) masih belum mempunyai rancangan pembangunan di atas bukit tersebut.

"Setakat ini, kita tiada apa-apa pelan pembangunan di sini. Namun jika ada, kita boleh pertimbangkan, lulus atau tidak itu bergantung kepada MBPP untuk menilai dari segenap aspek," jelasnya.

Sebelum itu, Jurutera Geoteknik General Accomplishment Sdn. Bhd., Khoo Koon Tai memaklumkan kepada wartawan mengenai status terbaru projek mitigasi tersebut.

Menurut beliau, projek mitigasi terbabit adalah meliputi tanah di Lot 34 dan Lot 303 Changkat Bukit Gambir, Timur Laut.

Sehingga kini, katanya, kerja-kerja mitigasi berwajib telah mencapai status 60 peratus siap.

Walaupun terdapat beberapa NGO mempertikaikan tentang keadaan Bukit Relau, Koon Tai memberitahu, dalam situasi sekarang adalah penting bagi membiarkan kerja-kerja mitigasi mengukuhkan struktur dipercepatkan lagi, demi menjamin keselamatan semua pihak berwajib.

"Bahagian cerun bukit kini giat dilakukan penanaman rumput penggunakan teknologi 'tikar fiber' bagi mempercepatkan pertumbuhan, turut ditanam ialah sebilangan pokok di puncak bukit ini," jelasnya.

Selain itu, Koon Tai turut mengulas mengenai pertikaian beberapa pertubuhan bukan kerajaan (NGO) baru-baru ini mengenai usaha-usaha Kerajaan Negeri dalam memulihara semua Bukit Relau tersebut.

"Bahagian cerun bukit kini giat dilakukan penanaman rumput menggunakan teknologi 'tikar fiber' bagi mempercepatkan pertumbuhan. Turut ditanam ialah sebilangan pokok di puncak bukit ini.

Selain wartawan, lawatan kerja itu turut disertai oleh Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon, Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Uban, Dr. T. Jayabalan, ADUN Komtar, Teh Lai Heng, ADUN Seri Delima, R.S.N Rayer, ADUN Air Itam, Wong Hon Wai, Ahli-ahli Majlis bagi MBPP dan Timbalan Pengarah Bahagian Kejuruteraan MBPP, Ir. .Rajendran.

Bukit Relau kerap menjadi topik panas di Pulau Pinang setelah kerja-kerja penggondolan berlaku bermula pertengahan 2013.

Pada Julai 2013, pemilik turut diperintahkan oleh mahkamah untuk membayar denda sebanyak RM30,000 akibat melakukan 'kemusnahan' di atas tanah berkeluasan 22.89 hektar tersebut.

## Ribuan meriahkan sambutan Thaipusam



KETUA Menteri, Prof. Dr. P. Ramasamy (empat dari kanan) dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri ketika mengadakan lawatan ke thaneer panthal sepanjang jalan menuju ke Jalan Kebun Bunga sempena sambutan Thaipusam di sini baru-baru ini.

**KEBUN BUNGA –** Sambutan Thaipusam tahun ini disambut meriah dengan kehadiran ribuan penganut agama Hindu membanjiri Jalan Utama sehingga ke Jalan Kebun Bunga di sini baru-baru ini.

Malah, kehadiran Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng bersama isteri, Betty Chew Gek Cheng serta kepimpinan Kerajaan Negeri sehari sebelum Thaipusam memeriahkan lagi suasana sambutan meraikan kemenangan Dewa Muruga menghapuskan kuasa jahat terbabit.

Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy, Jagdeep Singh Deo (Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan), A. Tanasekharan (Ahli Dewan Undangan Negeri, ADUN Bagan Dalam), Zairil Khir Johari (Ahli Parlimen Bukit Bendera), Ramkarpal Singh Deo (Ahli Parlimen Bukit Gelugor) dan beberapa Ahli Majlis Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) antara yang turut mengiringi lawatan ke thaneer panthal atau khemah air sepanjang jalan menuju ke Jalan Kebun Bunga.

Sejumlah 150 thaneer panthal dari pelbagai agensi kerajaan, syarikat swasta dan pemain industri memeriahkan sambutan tahun ini.

Walaupun cuaca agak terik, ia tidak menghalang ribuan penganut membawa palkudam (belanga susu) dan kavadi sebagai membayar nazar selain mencukur rambut dan memecahkan kelapa.

Salah seorang pelancong dari Australia yang mahu dikenali sebagai Kelly berasa teruja dengan warna-warni dan makanan yang dihidangkan pada sambutan Thaipusam di sini.

Beliau yang pertama kali 'menyertai' sambutan Thaipusam memberitahu bahawa tidak akan melupakan pengalaman di sini dan berhasrat untuk mengetahui dengan lebih lanjut tentang perayaan-perayaan yang terdapat di negara ini.



PERARAKAN kavadi.



SEBAHAGIAN penganut yang membawa palkudam (belanga susu).

# Beri sokongan penuh pada PIP, seru KM

Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**PERAI –** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng menyeru supaya rakyat negeri ini memberi sokongan penuh kepada pelaksanaan Pelan Induk Pengangkutan (PIP) Pulau Pinang.

Ini kerana, katanya, masalah kesesakan jalan raya dan lalulintas adalah isu yang serius di Pulau Pinang dan Kerajaan Negeri sedar bahawa inisiatif khas perlu diambil bagi memantapkan sistem pengangkutan awam yang komprehensif di kedua-dua bahagian iaitu di pulau dan juga Seberang Perai ekoran tiadanya perhatian daripada Kerajaan Persekutuan dalam aspek berkaitan.

"Umumnya, Kerajaan Negeri tidak lupa terhadap keprihatinan kepada kawasan Seberang Perai. Buktinya, baru-baru ini, Kerajaan Negeri telah mewujudkan koridor pembangunan Seberang Perai Selatan (SPS) yang merangkumi kawasan seluas 30 ribu ekar dalam sempadan bermula dari Sungai Juru di utara dan Sungai Kerian di selatan ke timur Lebuhraya Utara Selatan termasuk Batu Kawan.

"Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) akan membangunkan pelan induk infrastruktur dan pengangkutan untuk koridor ini (SPS) yang hasilnya akan memangkinkan pembangunan bidang pembuatan, perkhidmatan dan hab komersial serta kediaman untuk 300,000 orang," katanya pada Pesta Perayaan Ponggal Peringkat Negeri Pulau Pinang 2016 di sini baru-baru ini.



PARA penganut Hindu memasak ponggal atau nasi manis.

Turut hadir, Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Perai; Exco Kerja Raya, Utiliti (Tenaga, Air & Telekom) dan Pengangkutan (Udara, Laut & Keretapi) merangkap ADUN Bagan Jermal, Lim Hock Seng; ADUN Bagan Dalam, A. Tanasekharan dan Ahli Parlimen Batu Kawan, P. Kasthuriraani.

Sebanyak 18 badan bukan kerajaan (NGO) menyertai acara sambutan yang berlangsung di perkarangan Kuil Vinayagar, Jalan Besar di sini.

Mengulas lanjut, Guan Eng turut meluahkan kesyukuran kerana Pulau Pinang berjaya mencapai kemajuan pada tahun 2015 walaupun dilanda pelbagai masalah seperti kejatuhan ekonomi negara, kejatuhan nilai ringgit, skandal kewangan dan kegagalan polisi ekonomi di peringkat Persekutuan.



TIMBALAN Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy menuangkan susu ke dalam belanga ponggal pada Majlis Sambutan Pesta Perayaan Ponggal Peringkat Negeri Pulau Pinang 2016 di sini baru-baru ini.

"Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang penuh yakin bahawa kemakmuran dan perpaduan rakyat dapat dicapai melalui idea-idea bernas, prinsip moral, integriti awam serta kepimpinan yang cekap, akauntabel dan telus.

"Malah, Pakatan Harapan juga berpegang teguh kepada polisi pengurusan ekonomi yang kompeten dan pertumbuhan ekonomi inklusif agar manfaatnya diperoleh semua rakyat negeri ini," ujar beliau.

Dalam pada itu, Guan Eng turut menyatakan bahawa Kerajaan Negeri akan berusaha memantapkan lagi sektor pelancongan, perkhidmatan, sektor pembuatan berteknologi tinggi dan potensi sumber manusia bagi kemajuan ekonomi Pulau Pinang tahun 2016.

# Sambutan Ponggal DUN Seberang Jaya sebagai acara tahunan

**KEBAHAGIAAN & KEMAKMURAN BERPANJANGAN...** Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya, Dr. Afif Bahardin berharap sambutan hari Ponggal di kawasannya akan diteruskan sebagai acara tahunan kelak.

"Malah, saya berharap ia akan diadakan dengan lebih meriah pada tahun-tahun akan datang," katanya pada Majlis Sambutan Hari Ponggal Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Seberang Jaya di sini baru-baru ini.

Selain masyarakat berketurunan India, sambutan tersebut turut dimeriahkan dengan kehadiran pelbagai lapisan masyarakat lain.

Hadir sama, Ahli Majlis bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Shuhada Abdul Rahim.

Ponggal merupakan perayaan menuai yang disambut selama empat hari pada bulan Thai di dalam kalendar kaum India dan masakan yang disediakan perlu dimasak menggunakan peralatan semulajadi seperti periuk tanah liat, senduk kayu dan kayu api di bawah sinaran matahari.



DR. Afif Bahardin (kiri sekali) memasukkan beberapa bahan ke dalam periuk belanga pada Majlis Sambutan Hari Ponggal KADUN Seberang Jaya di sini baru-baru ini.



ANTARA penganut agama Hindu yang mengambil bahagian.



# Naiktaraf jejantas 'sotong' jangka siap Julai/Ogos ini

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**







**LAKARAN artis menunjukkan reka bentuk jejantas 'sotong' apabila siap kelak.**

**GEORGE TOWN –** Kerja-kerja menaiktaraf jejantas pejalan kaki atau lebih dikenali sebagai 'jejantas sotong' yang terletak di persimpangan Jalan Penang, Jalan Burma dan Jalan Dr. Lim Chwee Leong dijangka siap menjelang bulan Julai atau Ogos tahun ini.

Perkara tersebut diumumkan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng dalam sidang media di Komtar di sini baru-baru ini.

Jelas Guan Eng, kerja-kerja menaiktaraf 'jejantas sotong' sepatutnya siap menjelang April tahun ini, tetapi terpaksa ditangguhkan sehingga ke bulan Julai atau Ogos nanti.

"Kelewatan yang tidak dapat dielakkan ini adalah kerana perlu 'memindah' semula jajaran utiliti di bawah tanah kawasan terbabit.

"Kerja-kerja 'pemindahan' termasuk wayar-wayar dan saluran paip bawah tanah mengambil sedikit masa kerana memerlukan perhatian khusus," jelasnya.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar, Teh Lai Heng, Setiausaha Politik kepada Ketua Menteri, Wong Hon Wai dan Ahli Parlimen Bukit Bendera, Zairil Khir Johari.

Turut serta, Timbalan Pengarah Kejuruteraan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Ir. A. Rajendran; Pengurus Besar Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) Sdn. Bhd., Dato' Ir. Jaseni Maidinsa dan wakil arkitek dari LSB Architects & Planning, Ooi Hock Yang.

'Jejantas sotong' dibina pada tahun 1993 dengan kos pembinaan RM1.25 juta.

Kini, projek naik taraf ia mendapat tajaan melalui tanggungjawab sosial korporat (CSR) Syarikat Ensignia Construction Sdn. Bhd. (Ensignia), anak syarikat IGB Corporation Berhad dengan kos berjumlah RM6 juta.

Apabila siap kelak, jejantas berkenaan akan dilengkapi dengan lif kaca telus dan tangga bergerak *(escalator)* serta kemudahan-kemudahan khas untuk golongan orang kurang upaya (OKU).

Pada tahun 2013, Kerajaan Negeri pernah berhasrat untuk meruntuhkan jejantas tersebut memandangkan wujudnya beberapa kes jenayah.

Namun, hasil maklum balas yang dijalankan pada 14 Mei hingga 14 Jun 2013, 70 peratus daripada responden tidak bersetuju untuk merobohkan jejantas unik berkenaan.

Hasilnya, Kerajaan Negeri mengekalkan jejantas tersebut dan sekaligus menaiktaraf jambatan yang berusia lebih 20 tahun itu.

# KN akan terus bela nasib penarik beca - Exco



**BENTUK payung beca unik yang telah siap dipasang.**



**LAW Heng Kiang (depan, tengah) dan Tan Kean Boon (depan, kanan sekali) membantu salah seorang penarik beca memasang payung baharu sebagai simbolik majlis penyampaian sumbangan berkaitan di sini baru-baru ini.**

Gambar : **ALISSALA THIAN**

**GEORGE TOWN –** Seramai 150 penarik beca sekitar George Town baru-baru ini menerima sumbangan payung beca dari syarikat pengeluar lampu terkemuka Jerman, Luminex LED.

Penyampaian sumbangan disempurnakan Exco Pembangunan Pelancongan, Law Heng Kiang di Lebuh Pantai sempena program Hari Tanpa Kereta baru-baru ini di sini.

Sejurus selepas penyampaian sumbangan, Heng Kiang ketika ditemui menzahirkan ucapan terima kasih kepada Luminex LED kerana sudi menyampaikan sumbangan berkaitan sebagai sebahagian daripada pelaksanaan program tanggungjawab sosial korporat (CSR) pihak terbabit.

Katanya, sejak tahun 2008, Kerajaan Negeri telah membelanjakan kira-kira RM1 juta bagi membaiki keadaan fizikal beca-beca di Pulau Pinang supaya lebih menarik dan menggamit minat pelancong.

"Saya berharap perniagaan yang terbaik buat syarikat *Arabica Estate,* serta sukses dalam membawa jenama Pulau Pinang agar lebih dikenali sebagai negeri pengeluar kopi berkualiti," ucapnya pada Majlis Pembukaan Kafe Restoran *Arabica Estate,* di Automall dekat Persiaran Karpal Singh di sini baru-baru ini.

Sebelum itu, Pengarah Urusan *Arabica Estate,*, Cheah Chin Heng memberitahu bahawa pihaknya sebelum ini telahpun membuka kafe restoran di hentian R&R Gurun, Kedah dan di Kota Bharu, Kelantan.

Tambah beliau, kafe restoran di Pulau Pinang tersebut adalah cawangan ketiga.

Terdahulu, Guan Eng pernah memuji perniagaan makanan segera mee kari putih *MyKuali* yang juga jenama Pulau Pinang, dipasarkan ke seluruh negara dan beberapa negara Asia Tenggara.

Walaupun jenama *MyKuali* mula diperkenalkan pada Mei 2013, beliau memberitahu bahawa, jualan mee segera itu mencecah 50,000 bungkus dengan pulangan kasar kira-kira RM1.5 juta tiap-tiap bulan sehingga November tahun sama.



**SECAWAN kopi yang 'dihias' cantik untuk dihidangkan.**




**WAJAH kafe restoran *Arabica Estate* mencerminkan status tersendiri kepada pelanggannya.**

# Asing sisa di punca harap kurang lagi *tipping fee*

**SEBERANG JAYA –** Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) berharap amalan pengasingan sisa di punca yang bakal dikuatkuasakan mulai 1 Jun ini bakal mengurangkan *tipping fee* atau caj dikenakan ke atas kuantiti tertentu sisa yang diterima di tapak pelupusan sampah Pulau Burung berbanding pada tahun ini.

Yang di-Pertuanya, Dato' Maimunah Mohd. Sharif memberitahu, sisa pepejal yang dikumpulkan di tapak pelupusan sampah tersebut pada tahun lepas adalah seberat 440,460 tan sisa pepejal, dengan RM8.89 juta *tipping fee* dikeluarkan oleh MPSP.

"Ini baru kos *tipping fee*, belum masuk lagi kos minyak, kos penyelenggaraan kenderaan dan gaji kepada pekerja-pekerja awam yang terlibat dalam kerja-kerja pembersihan.

"Penjimatan sumber boleh berlipat kali ganda sekiranya kita (warga Seberang Perai) mampu mengurangkan lagi pengasingan sisa di punca," katanya pada Majlis Penyampaian Hadiah Anugerah Komuniti Mampan 2015 di Kompleks Ibu Pejabat MPSP, Bandar Perda di sini baru-baru ini.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow merasmikan program tersebut.

Tambah Maimunah, jika amalan pengasingan sisa di punca berjaya, ia sekaligus mampu memanjangkan jangka hayat pusat pelupusan sampah tersebut.

"Tahun pertama pelancaran (Anugerah Komuniti Mampan) pada 2013, disertai 10 pertubuhan komuniti sahaja, tetapi, 2014 (14) dan 2015 (18)," jelas beliau.

Selain program Anugerah Komuniti Mampan, Maimunah memberitahu bahawa terdapat lebih 20 jenis program kitar semula dilaksanakan MPSP sepanjang tahun lalu.

"Antaranya, Anugerah Sekolah Hijau, Anugerah Kitar Semula Sekolah Tadika, Anugerah Sekolah Bestari, Majlis Penyerahan Pasu Bunga Kepada sekolah-sekolah, bengkel kompos, Kempen Makan Sampai Habis, kebun kejiranan, aktiviti mengumpulkan kotak minuman, menghasilkan sabun daripada minyak masak terpakai dan sebagainya," ujarnya.


PARA pemenang bergambar kenangan pada Majlis Penyampaian Hadiah Anugerah Komuniti Mampan 2015 di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, Kon Yeow merakamkan ucapan tahniah atas kejayaan MPSP melancarkan program kitar semula pada kadar 39 peratus, dikatakan rekod tertinggi berbanding pihak berkuasa tempatan (PBT) di tanah air ini.

"Saya berasa peranan komuniti adalah amat penting bagi membantu kita (Kerajaan Negeri dan PBT) memastikan Pulau Pinang terus dilihat bersih, hijau, selamat dan sihat.

"Tahniah kepada MPSP atas pencapaian ini," katanya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota.

Perbadanan Pengurusan Taman Pandan dipilih sebagai Johan Anugerah Komuniti Mampan 2015, dengan membawa pulang sijil pengiktirafan serta insentif bernilai RM3,000.

Kedua, Kawasan Rukun Tetangga Taman Keenways (sijil pengiktirafan, RM2,500) dan ketiga, Persatuan Pemilik & Penghuni Taman Tambun Indah (sijil pengiktirafan, RM2,000).

Koperasi Lestari Alam Sekitar Seberang Perai Berhad yang dipilih menerima Anugerah Inovasi Khas menerima sijil pengiktirafan dan insentif RM700.

Anugerah Komuniti Mampan dianjurkan tiap-tiap tahun demi memberi pengiktirafan kepada inisiatif-inisiatif yang dijalankan oleh pertubuhan komuniti dalam menjaga kualiti alam sekitar di ketiga-tiga daerah di Seberang Perai.

# Pengasingan sisa di punca mampu jimat kos, 'panjang hayat' P. Burung - YDP

Teks & Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**PADANG LALANG –** Sampah yang dihasilkan dan dihantar ke Pusat Pelupusan Sampah Pulau Burung mampu dikurangkan sehingga 80 peratus, selepas amalan pengasingan sisa di punca dikuatkuasakan mulai 1 Jun nanti.

Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Dato' Maimunah Mohd. Sharif berkata, sasaran itu tidak mustahil memandangkan syarikat elektronik, Sony di Perai berjaya mengurangkan 96 peratus sisa yang dihasilkan kilang mereka, kini.


MAIMUNAH Mohd. Sharif (dua dari kanan) bersama-sama Sr. Rozali Mohamud (kanan sekali) meramahi pihak pengurusan dan wakil penduduk Taman Vila Oren semasa mengedarkan tong 5 liter bagi mengisi sisa organik pada Majlis Pelancaran Pengurusan Sisa Sifar taman berkenaan di sini baru-baru ini.

"Contoh yang baik adalah kejayaan kilang Sony di Perai yang berjaya mengurangkan sebanyak 96 peratus sisa dihasilkan mereka daripada dihantar ke Pulau Burung.

"Kejayaan tersebut membuktikan bahawa program seumpama ini secara tidak langsung dapat mendidik masyarakat untuk menjadikan pengasingan sisa di punca sebagai satu amalan harian, bermula dari tempat kerja sehingga institusi kekeluargaan," ujar Maimunah.

Beliau berkata demikian pada Majlis Pelancaran Pengurusan Sisa Sifar di Taman Vila Oren di sini baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Maimunah memberitahu, inisiatif yang dilakukan persatuan komuniti di sini bukan sahaja akan menjimatkan sumber dana MPSP, malah sekaligus memanjangkan jangka hayat pusat pelupusan sampah tersebut.

"Program ini merupakan satu elemen yang penting kerana dapat memanjangkan jangka hayat tapak pelupusan sampah sedia ada di Pulau Burung ekoran penghasilan sampah yang semakin berkurangan.

"Oleh itu, jalinan kerjasama ini amat dialu-alukan kerana dapat memupuk satu ikatan ke arah mewujudkan peri pentingnya kita mengurangkan penghasilan sisa pepejal atau sampah sarap," jelas beliau.

Hadir sama, Setiausaha MPSP, Sr. Rozali Mohamud.

Difahamkan, daripada 113 unit kediaman di Taman Vila Oren, 50 buah telahpun didiami.

Pada majlis tersebut, MPSP mengedarkan 50 buah tong 5 liter bagi mengisi sisa organik kepada tiap-tiap penghuni setempat untuk tujuan amalan kitar semula sisa organik atau proses pengkomposan.

Tahun lalu, direkodkan, sisa pepejal yang dikumpulkan di pusat pelupusan sampah dekat Pulau Burung adalah seberat 440,460 tan.



# Hairul & Chung Wei terima sumbangan SKIMAS

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **ALISSALA THIAN**

**GEORGE TOWN –** Dua atlet paralimpik negeri menerima insentif Skim Kemenangan Sukan Kerajaan Negeri Pulau Pinang (SKIMAS) ekoran kejayaan masing-masing mengharumkan nama negara pada kejohanan Sukan Para Asean Ke-8 yang berlangsung di Singapura, September 2015.

Mereka ialah, atlet renang, Yoong Chung Wei, 20, yang merupakan orang kurang upaya (OKU) autisme dan Muhamad Hairul Miran, 43, (tenpin boling trio, cacat penglihatan).

Chung Wei pada temasya tersebut berjaya merangkul dua pingat emas dan perak (6), manakala Muhamad Hairul, satu emas.

Bagi Muhamad Hairul, beliau akan menggunakan wang insentif berjumlah RM333 yang diterimanya untuk membeli peralatan sukan boling.

"Contohnya, bola boling memerlukan pemilihan baik kerana ia bakal mempengaruhi permainan serta prestasi seseorang pemain," katanya selepas Majlis Penyampaian Sumbangan SKIMAS yang disempurnakan oleh Exco Belia dan Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, Chong Eng di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Pengarah Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP), Frederick Tan Teck An.

Dalam pada itu, Chung Wei yang menerima jumlah insentif bernilai RM2,000 amat gembira dengan pencapaian dicapai beliau.

"Saya amat gembira dengan pencapaian memperoleh dua pingat emas dan enam pingat perak dalam pertandingan ini.

"Saya dapat dan telah mengharumkan nama Pulau Pinang dan juga negara.

"Dalam menghadapi pertandingan yang bakal berlangsung kelak, saya berjanji akan kuat berlatih lagi," ujarnya yang berjaya mencipta rekod baru kejohanan Sukan Para Asean dalam acara renang 100 meter gaya bebas individu.

Menurut Chong Eng, atlet OKU seharusnya diangkat menjadi idola dalam masyarakat kerana sungguhpun mereka serba kekurangan, namun mempunyai impian besar untuk mengejar kejayaan dalam bidang sukan diceburi.

"Apa yang lebih membanggakan adalah apabila kita dapat buktikan bahawa Pulau Pinang sebagai sebuah negeri yang mampu menghasilkan atlet-atlet berkualiti," jelasnya pada majlis berkaitan.

Mengulas lanjut, beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Lalang turut memuji golongan ibu bapa, keluarga dan barisan jurulatih yang sentiasa memberi dorongan kepada atlet untuk berjaya dalam bidang sukan disertai masing-masing.




**CHONG Eng (tengah) bergambar kenangan dengan Yoong Chung Wei (dua dari kiri) dan Muhamad Hairul Miran (dua dari kanan) pada Majlis Penyampaian Sumbangan SKIMAS di sini baru-baru ini.**

## ME100 kembali dengan kategori baru 100 batu



**STEVEN Sim Chee Keong yang turut hadir pada majlis sidang media pengumuman penganjuran ME100 di sini baru-baru ini.**

**PADANG LALANG –** Acara larian denai paling sukar dan mencabar, *Endurance Nature's Malaysia Eco 100* (ME100) kembali lagi buat kali kedua tahun ini.

Disenaraikan sebagai *'5 Super Trail'* dalam *Asia Trail Master Series*, acara ME100 yang dianjurkan oleh *Endurance Nature* tersebut bakal berlangsung pada 14 dan 15 Mei 2016 di Sungai Lembu, Bukit Mertajam.

Exco Belia dan Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, Chong Eng ketika mengumumkannya percaya bahawa penganjuran ME100 akan menjadikan Bukit Mertajam sebagai salah satu destinasi larian denai pilihan bukan sahaja di peringkat kebangsaan, tetapi di rantau Asia.

"Difahamkan, edisi kedua ini lebih mencabar berbanding sebelum ini, yang mana para peserta akan menyusuri lebih banyak laluan hutan, denai dan bukit bagi menamatkan larian masing-masing," katanya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Lalang dalam sidang media di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Parlimen Bukit Mertajam, Steven Sim Chee Keong dan wakil-wakil penganjur dan penaja.

Selain kategori 13 kilometer (km), 50km dan 100km seperti sebelum ini, pihak jawatankuasa penganjur juga telah menambah satu lagi kategori yang julung kali diadakan di Malaysia iaitu kategori 100 batu atau bersamaan 160.9km.

Chong Eng dalam pada itu juga mengumumkan tajaan sebanyak RM20,000 bagi menjayakan acara berprestij berkenaan.

Turut menaja, *Power Malaysia* (selaku penaja pakaian rasmi), *Altra* (kasut rasmi), *Garmin* (jam GPS rasmi) dan *Rudy Project* (cermin mata rasmi).

Bagi maklumat lanjut, layari laman sesawang Endurance Nature, di *www.endurance.com.my.*

## 900 sahut cabaran kayuh 100 batu

***CENTURY RIDE...*** Penganjuran acara kayuhan sejauh 100 batu, *Ideal Property Tristate 160 Fellowship Ride* yang berlangsung baru-baru ini berjaya memperoleh kira-kira 900 penyertaan dari dalam dan luar negara.

Jumlah tersebut termasuk 84 peserta wanita.

Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Dato' Maimunah Mohd. Sharif berharap acara berkenaan dapat menyemarakkan kesedaran perkongsian pengguna jalan raya dengan penunggang basikal di negeri ini.

"Acara kali ini merupakan kesinambungan pada program *Campaign For A Lane* (CFAL), yang dianjurkan sebelum ini.

"Ia merupakan penganjuran kali kedua hasil kerjasama bersama pertubuhan bukan kerajaan (NGO) iaitu *G Club Penang Cyclists*, Kelab Basikal LP MTB dan MPSP, selepas kejayaan menganjurkan acara yang sama sejauh 128 kilometer (km) tahun lepas," katanya pada acara pelepasan peserta *Ideal Property Tristate 160 Fellowship Ride* di sini baru-baru ini.



**MAIMUNAH Mohd. Sharif (bertudung) dan Setiausaha Perbandaran MPSP, Sr. Rozali Mohamud (kanan sekali) pada acara pelepasan peserta *Ideal Property Tristate 160 Fellowship Ride* di sini baru-baru ini.**

Jarak kayuhan penganjuran berkaitan melayakkan acara tersebut disenaraikan sebagai *'century ride'*, sepertimana yang diiktiraf di seluruh dunia.

Seawal jam 6.45 pagi, kayuhan sejauh 160km adalah merentasi Selama, Perak dan Kulim, Kedah, sebelum menamatkan cabaran di garis pemulaan di Juru negeri ini.




**SEBAHAGIAN peserta yang mengambil bahagian.**

# Haji Said sambil bela, sambil buat kajian kelulut

Oleh : **YAP LEE YING**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**



HAJI Said atau nama sebenar Said Mat menunjukkan teknik 'menuai' hasil madu kelulut.

**BAGI** Haji Said, kepuasan menuai hasil madu kelulut yang diusahakan beliau membelakangi segala cabaran dihadapi.

Bermula sejak enam bulan lalu dengan hanya 10 sarang atau rumah, kini angka ia mencapai 40 sarang yang ditempatkan di sekitar kawasan kediaman beliau di Kampung Selamat, Tasek Gelugor, Seberang Perai Utara (SPU).

Haji Said atau nama sebenar, Said Mat, 72, menyatakan, kelulut atau juga digelar meliponini merupakan jenis lebah tidak bersengat yang menghasilkan madu sama seperti lebah madu.

"Cuma, sengat kelulut tidak berbisa dan tidak 'panas' macam lebah.

"Apa yang menarik dan juga mencabar adalah kelulut jenis serangga pembersih. Walaupun seekor semut atau cicak memasuki sarangnya, seluruh koloni akan berpindah, itulah sebabnya ada lima hingga enam ekor tentera yang berkawal di pintu rumahnya.

"Sama juga jika makanan di sekitarnya beracun, ia akan mati. Tidak tahan dengan bau ubat nyamuk dan paling penting, kayu yang digunakan untuk membuat rumahnya tidak boleh mempunyai ubat, kulat dan bahan-bahan tambahan asing, semua kena asli," jelasnya.

Justeru, Haji Said terpaksa mengembara ke beberapa negeri untuk mencari bekalan jenis kayu sedemikian, termasuk Kelantan.

Bercerita dengan lebih lanjut, selain faktor-faktor berkaitan, apa yang lebih merunsingkan Haji Said adalah keselamatan dirinya.

Ini kerana, bagi mengatasi kes kecurian di kawasan tersebut, adalah menjadi rutin beliau untuk melakukan rondaan pada waktu malam.

"Pagar yang ada tak berapa kukuh dan kawasan ini memang banyak babi hutan. Kalau dia tak ganas *takpe*, kena beringat apabila malam-malam sebab tak nampak," ujarnya yang merupakan bekas kakitangan badan berkanun di sini.

Umumnya, sebelum membawa balik baka kelulut, Haji Said perlu terlebih dahulu memastikan bekalan makanan di kawasan sekitar adalah mencukupi.

Di samping pokok-pokok pertanian seperti rambutan, manggis, cempedak, belimbing dan durian, beliau turut mengambil inisiatif sendiri untuk menanam kira-kira 20 jenis tumbuhan berbunga yang renek.

"Dia (kelulut) paling suka bunga warna putih. Di sini, contohnya, bunga misai kucing, bunga raya putih, belimbing buluh, jejarum, mata air pengantin yang berwarna merah jambu air, pokok kayu manis dan banyak lagi yang ditanam khas.

"Ini kerana, jenis pemakanan kelulut umumnya mempengaruhi rasa madu yang dihasilkan,'' katanya sambil membenarkan kami merasai madu kelulut beliau, amat enak!

Mengulas lanjut, Haji Said menyatakan bahawa habitat kelulut adalah lokasi teduh, kawasan sekitar perlu bersih dan jarak minimum antara sarang (rumah) adalah masing-masing dua kaki.

Rutin kelulut pula jelas beliau, adalah pada waktu siang ia akan keluar cari makan dan balik ke sarang sekitar jam 9 malam. Pada waktu petang, mereka (kelulut) akan mandi-manda di kawasan perigi yang digali khas untuknya.

Ketika diminta menunjukkan cara beliau 'menuai' hasil madu kelulut, Haji Said terus menyambar penutup kepala berjaring khas dan membawa kami ke sebuah 'rumah kelulut' yang dibentuk berdasarkan kreativiti beliau di bawah pondok rehatnya.

Apabila Haji Said membuka penutup 'rumah kelulut', penulis tergelak apabila mendapati lebah-lebah kelulut 'menyerang' jurugambar Skuad Jalan-jalan yang berbaju hitam.



LEBAH kelulut.



SARANG lebah kelulut.



RUPA bentuk rumah-rumah kelulut yang dihasilkan berdasarkan kreativiti Haji Said.

Dalam usaha merakam aksi Haji Said, semua kelulut terbang menyelubungi jurugambar kami. Ada yang cuba memasuki telinga dan hidungnya. Hampir putus asa beliau dibuat ia.

"Kelulut tidak boleh tengok baju hitam.

"Juga ada cara nak ambil madunya. Pantangnya, kita jangan bagi nafas kita menghembus masuk ke dalam sarang ia. Kena buang nafas di tempat lain sebelum nak 'masukkan' kepala kita ke dalam sarang untuk ambil madu. Sekiranya tidak, ia akan ikut kita sampai rumah.

"Malah, juga kena mandi buang bau badan dulu,'' katanya sambil menyedut madu menggunakan picagari di tangan.

Menurut Haji Said yang tidak menafikan khasiat madu kelulut kepada kesihatan dan bidang kecantikan, madu kelulut dapat dituai kira-kira tiga bulan sekali ataupun purata, tiga kali setahun.

Dengan jumlah 40 sarang yang dimiliki beliau kini, Haji Said dapat menghasilkan kira-kira 30 kilogram madu sama ada dijual di pasaran tempatan dan juga ditolak kepada pengusaha persendirian.

Difahamkan, bentuk sarang kelulut adalah berbeza daripada sarang lebah madu.

Lebah madu membina sarang kom lilin tergantung secara menegak. Sarang kelulut lazim dibina dengan kom eraman mendatar, dengan sel pembukaan di atas, di mana semua kasta muncul (lahir).

Bilik atau ruang eraman dikelilingi oleh dinding keselamatan diperbuat daripada lilin dan propolis (digelar involkrum). Di luar involkrum, kelulut membina tempayan lilin lembut (berbentuk seperti telur) untuk penyimpanan madu dan debunga.

Tempayan tersebut boleh bersaiz dari lima sehingga 40 milimeter tinggi. Bagi sesetengah spesies, tempayan madu dan tempayan debunga dipisahkan, manakala sesetengah spesies pula bercampuran.

Bagi perancangan masa depan, Haji Said menyatakan bahawa beliau ingin menambahkan jumlah sarang kelulut sedia ada kini dan pada masa sama memohon bantuan pihak-pihak tertentu untuk membina pagar lebih kukuh bagi kepentingan keselamatan diri beliau.

"Komitmen mesti ada sebab 'kerja' ini bukan jenis 'letak' dan tunggu hasil. Kini, saya sambil bela, sambil sambil itu buat kajian juga sebab tidak ramai yang mengusahakan madu kelulut ini.

"Apa yang kita belajar, kita kongsi pengalaman dengan penternak-penternak lain semasa kursus.

"Bagi saya, saya seronok, tiada *stress*, pagi minum kopi (di pondok), sambil tengok lebah kelulut untuk tambah pengetahuan saya tentang ia," katanya sambil tersenyum.



KEADAAN pagar tidak kukuh yang menimbulkan kebimbangan kepada Haji Said.

**INFO :**
**No. Telefon : 014 – 746 4599**

# Lynn belajar akupunktur demi rawat ibu

**ZAMAN** ekonomi tanah air yang kian mencabar belakangan ini, sedikit banyaknya dikatakan memberi kesan berantai kepada semua pihak, termasuk ahli perniagaan kecil dan sederhana (EKS) di Pulau Pinang.

Lynn atau nama sebenarnya Fadzlina Hassan, 34, pengasas spa kecantikan dan pusat rawatan D'Lynn Terapi Sunnah bagaimanapun mengaku bahawa perniagaan yang diceburinya sejak empat tahun lalu kian berkembang.

"Pada era ekonomi yang serba mencabar seperti sekarang ini, ada empat bidang bisnes yang masih diperlukan, iaitu perkhidmatan, perubatan, pendidikan dan makanan.

"Macam diketahui umum, D'Lynn Terapi Sunnah ini berdiri dalam dua bidang, iaitu perkhidmatan dan secara tak langsung dalam perubatan juga.

"Kreativiti dalam perniagaan memang menjanjikan pulangan yang memuaskan," kata Lynn semasa diwawancara oleh wartawan akhbar Buletin Mutiara, **ZAINULFAQAR YAACOB** di D'Lynn Terapi Sunnah dekat Kompleks Dato' Kailan, Kepala Batas baru-baru ini.

Lynn, merupakan ibu tunggal kepada tiga cahaya mata yang masih kecil.

Di spa, beliau dibantu oleh adik kandungnya dan beberapa pekerja sambilan.

"Selalunya pelanggan akan membuat temujanji dahulu, kerana pada hari Jumaat, Sabtu, Ahad dan hari cuti umum memang 'sesak'.

"Kalau datang terus, nasib ada 'kosong', dapatlah mendapat perkhidmatan di sini," jelas beliau.

Menurut Lynn, pelbagai perkhidmatan rawatan alternatif ditawarkan di D'Lynn Terapi Sunnah.

Antaranya, bekam, akupunktur, kiropraktik (perbetul tulang badan), refleksologi, rawat resdung, urut badan, rawat kecantikan wanita dan sebagainya.

**Hikmah ibu strok**

Lynn memberitahu, beliau pernah bekerja makan gaji, menjadi agen insurans serta pernah membuka butik kecantikan, sebelum memberi tumpuan sepenuh masa menubuhkan D'Lynn Terapi Sunnah.

"Semasa mak kena lumpuh itu, kami sekeluarga pun terkapai-kapai mencari rawatan...kadang-kadang (bermusafir) jauh dan saya terpaksa berhenti kerja (makan gaji).

"Selepas itu, saya belajar akupunktur untuk rawatan strok, kencing manis dan darah tinggi.

"Apabila dibuat akupunktur tiga kali kepada mak, beliau sudah boleh berjalan, tetapi tidak stabil sebab lumpuh sebelum itu.

"Selepas mak dah sembuh, kenapa tidak saya kongsi (perkhidmatan rawatan) dengan orang yang memerlukan rawatan akupunktur ini," katanya.

Beliau memberitahu, D'Lynn Terapi Sunnah kini menerima pelanggan lebih 300 orang.

"Tiap-tiap ujian yang Allah anugerahkan, ada hikmahnya.

"Kalau usia D'Lynn Terapi Sunnah ini pun empat tahun, ertinya emak saya pulih dari lumpuh lebih empat tahun lah," jelas beliau.




**Kreativiti, modal kecil**

Percaya tidak percaya, D'Lynn Terapi Sunnah ditubuhkan dengan bekalan modal sekecil RM1,000 sahaja, itupun untuk membeli aksesori rawatan semata-mata.

Selebihnya, menurut Lynn, mereka yang berminat dengan bisnes seperti D'Lynn Terapi Sunnah perlu ketekunan dalam meningkatkan kemahiran serta mutu pelanggan.

"Saya tidak belajar secara keseluruhan, tetapi satu siri ke satu siri yang lain.

"Mula-mula belajar memang untuk rawat lumpuh emak sahaja, jadi saya pilih siri rawatan untuk rawat sakit emak sahaja.

"Macam saya yang tidak mempunyai modal yang banyak, kemahiran akupunktur ini merupakan modal perniagaan paling asas untuk dikembangkan.

"Saya mula bisnes dengan modal serendah RM1,000 sahaja, tetapi Alhamdulillah, kita boleh melihat hasilnya seperti yang ada pada hari ini....untuk peralatan sahaja.

"Apabila kita rawat seorang pesakit, dan beliau pulih, beliau pasti akan menjadi pelanggan setia dan akan membawa pelanggan baru yang lain," ujarnya.

**Cabaran**

Lynn secara peribadi mengaku beliau masih sebagai 'pendatang baru' sungguhpun telah lebih empat tahun mempunyai bisnes spa kecantikan dan rawatan alternatif.

Justeru, beliau senantiasa membina kepercayaan kepada semua pelanggan yang pernah bertandang ke D'Lynn Terapi Sunnah.

Katanya, membina kepercayaan adalah cabaran yang paling penting untuk dirinya untuk terus berdiri dalam bidang bisnes perkhidmatan.

"Antara cabarannya adalah untuk mendapat kepercayaan daripada pelanggan yang hadir, kalau berjaya, ertinya akan dapat pelanggan setia.

"Sebagai pendatang baru dalam dunia rawatan akupunktur, saya bukan ada nama dalam perniagaan ini.

"Nak membina kepercayaan ini memang mencabar, bukan mudah untuk pelanggan 'menyerah diri' untuk dirawat oleh kita," jelas beliau.

**Kepuasan**

"Macam-macam bisnes telah saya buat, tetapi inilah 'tapak' yang memberi pulangan yang baik," seloroh Lynn.

Tambahnya, permintaan di D'Lynn agak menggalakkan, khususnya dalam *mood mobile* ke luar Pulau Pinang, dan beliau sendiri sedang melatih beberapa lagi perawat untuk mengembangkan bisnes pada masa depan.

Kini, Lynn memberitahu bahawa beliau puas dengan bisnes diceburinya, kerana dapat membantu pihak berwajib yang lain.

"Merawat orang ini suatu kepuasan kepada saya, selama ini saya sendiri tercari-cari, apakah amalan yang boleh memberi kepuasan kepada saya.

"Apabila pelanggan yang dirawat menunjukkan perubahan (kian sembuh), itu paling memberi kepuasan.

"Kesihatan ini memang tidak boleh ditukar ganti dengan wang ringgit, sebab itu, saya sendiri sanggup berikhtiar semampu mungkin untuk rawat mak dahulu," ujar Lynn.

**INFO :**
**No. Telefon : 018 - 224 6369**




**SALING bertukar pendapat mengenai proses EKS dengan dua pelanggan setianya di D'Lynn Terapi Sunnah.**

# Polisi larangan guna tukang masak warga asing, berkuatkuasa

**GEORGE TOWN –** Jangan ambil mudah! Itu ingatan yang diberikan Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Ong Ah Teong kepada para peniaga dan penjaja yang melantik dan menggajikan tukang masak warga asing di sini.

Larangan tersebut adalah ekoran daripada polisi larangan menggunakan tukang masak kalangan warga asing (sebagai tukang masak utama) yang dikuatkuasakan sepenuhnya pada tahun ini, iaitu selepas kempen penerangan dan tempoh peralihan dilaksanakan pada tahun lalu (2015).

**LOGO kempen polisi larangan menggunakan tukang masak dalam kalangan warga asing (sebagai tukang masak utama).**

Terbaru, baru-baru ini dalam satu operasi penguatkuasaan yang dijalankan di sekitar kawasan Jelutong, MBPP telah berjaya mengenalpasti dua tukang masak warga asing iaitu masing-masing warga India dan Indonesia di Tapak Penjaja Sementara (TPS) berhadapan Caltex Jelutong.

Ah Teong berkata, pihaknya kini giat menjejaki dan memantau peniaga dan penjaja yang disyaki terlibat dengan penyalahgunaan lesen daripada Majlis.

"Pada tahun ini (2016), kita telah mula melakukan operasi penguatkuasaan sejak 6 Januari lalu. Sehingga 14 Januari lalu, lapan operasi telah dijalankan dan sebanyak 20 kes berjaya dikesan dan diberikan notis tunjuk sebab," ujarnya sambil menyatakan bahawa tiada lagi amaran atau penerangan dilakukan kerana langkah tersebut telah tamat dijalankan tahun lalu.

Hadir sama, Ahli-ahli Majlis MBPP, Syerleena Abd. Rashid dan Grace Teoh Koon Gee.

Pada 2014, Kerajaan Negeri telah memperkenalkan polisi larangan menggunakan pekerja warga asing sebagai tukang masak utama di gerai-gerai makanan dengan tujuan untuk melindungi warisan masakan tempatan.

Ah Teong yang juga Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kesihatan Awam MBPP memberitahu, pihaknya tidak akan teragak-agak membatalkan lesen peniaga di kompleks makanan, TPS dan PSS (Pusat Statik Sementara) milik Majlis sekiranya seseorang peniaga didapati bersalah.

"Nama-nama peniaga terlibat akan diberikan kepada pihak jawatankuasa untuk pembatalan lesen selepas Majlis (MBPP) meneliti notis tunjuk sebab yang dikemukakan," jelas beliau.




**KETUA Menteri memerhatikan Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow (dua dari kanan) melekatkan pelekat logo kempen polisi larangan menggunakan tukang masak dalam kalangan warga asing sebagai tukang masak utama tahun lalu.**

# Premis kotor, MBPP keluar 7 kompaun

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **SHUM JIAN-WEI**

**GEORGE TOWN –** Bertindak atas maklumat awam, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) menjalankan operasi mengejut terhadap dua premis makanan yang didapati melanggar pelbagai peraturan perniagaan di Jalan Gat. Lebuh Maccallum, di sini baru-baru ini.

Dalam operasi diketuai Ahli Majlis MBPP, Ong Ah Teong tersebut, sebanyak tujuh kompaun dikeluarkan melibatkan pelbagai kesalahan.

Ah Teong berkata, kesalahan dikenalpasti adalah tindakan premis membuang sisa atau minyak secara terus ke dalam longkang, premis kotor, meletakkan makanan di atas lantai, tidak mendapatkan suntikan anti tifoid dan membalut makanan menggunakan kertas bercetak.

"Untuk kesalahan-kesalahan ini, mereka (pemilik premis) dikehendaki membayar kompaun antara RM30 hingga RM250," ujarnya pada sidang media selepas operasi berkaitan di sini baru-baru ini.

Turut serta, Ahli-ahli Majlis MBPP, Joseph Ng Soon Siang, Teoh Koon Gee, Wong Yuee Harng, Penguatkuasa Kesihatan Awam (Establishment Makanan) MBPP dan Jabatan Perkhidmatan Perbandaran (JPP) MBPP.

Tambah Ah Teong, bagi salah sebuah premis yang didapati tahap kebersihan adalah kurang memuaskan, tempoh dua minggu diberikan agar pihak terbabit mengambil tindakan sewajarnya sebelum Majlis melakukan pemeriksaan semula.

"Jika masih gagal memperbaiki kesalahan, kita (MBPP) akan dapatkan kerjasama daripada pihak Jabatan Kesihatan Negeri untuk melakukan penutupan kerana (pendekatan) ini adalah di luar bidang kuasa Majlis," jelasnya.

Mengulas lanjut, Ah Teong yang juga merupakan Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan Awam MBPP memberitahu bahawa bagi kesalahan membuang sisa atau minyak ke dalam longkang, tiada diskaun akan diberikan kepada pesalah terlibat.

"Selain kompaun kepada pemilik kedai terlibat, JPP turut akan menghantar notis kepada pihak pengurusan bangunan agar menyelesaikan masalah parit dan sampah di sini dengan segera," ujar beliau.



**ONG Ah Teong (dua dari kiri) membuat pemeriksaan di salah sebuah premis makanan pada operasi mengejut di sini baru-baru ini.**



**JOSEPH Ng Soon Siang (depan) dan Wong Yuee Harng menunjukkan kesan pembuangan sisa dan minyak secara terus ke dalam saluran longkang di bahagian belakang premis.**



**MELETAKKAN makanan di atas lantai merupakan antara kesalahan yang dikesan.**

# MBPP sangkal laporan laluan basikal guna cat hijau mudah tanggal

Gambar : **ALISSALA THIAN**

**GEORGE TOWN –** Semua pihak diminta agar tidak mempolitikkan isu cat hijau yang rosak bernilai RM30 juta di laluan basikal berdekatan Jalan Kapitan Keling di sini.

Presiden G Club, Dr. Lim Seh Guan berkata, isu penggunaan cat hijau di laluan basikal yang kononnya menelan kos RM30 juta tersebut tidak harus dipolitikkan oleh mana-mana pihak.

"Ia (laluan basikal) merupakan inisiatif bagi membantu mengurangkan kesesakan lalulintas di samping menggalakkan lebih ramai umum berkayuh (basikal) ke tempat kerja.

"Apabila seseorang menggunakan basikal sebagai medium pengangkutan ke tempat kerja, maka sebuah kereta dapat dikurangkan di atas jalan raya.

"Jadi, jangan politikkan isu yang berkepentingan rakyat seperti ini," katanya pada sidang media di Komtar di sini baru-baru ini.



**IR. A. Rajendran (kanan sekali) sambil diperhatikan Ar. Yew Tung Seang (tengah) dan Dr. Lim Seh Guan (kiri sekali) menunjukkan laluan basikal yang dicat dengan elok pada majlis sidang media di sini baru-baru ini.**




**LAKARAN pelan 'penempatan' laluan basikal di Jalan Masjid Kapitan Keling.**

Hadir sama, Timbalan Pengarah Kejuruteraan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Ir. A. Rajendran dan Pengarah Bangunan MBPP, Ar. Yew Tung Seang.

Seh Guan yang hadir ke Komtar dengan menunggang basikal dari salah sebuah hospital swasta di Jalan Macalister, yakin bahawa usaha Kerajaan Negeri untuk mewujudkan rangkaian laluan basikal adalah berbaloi untuk tempoh jangka masa panjang.

Dalam pada itu, Rajendran menyangkal laporan beberapa portal berita atas talian yang mendakwa Kerajaan Negeri menggunakan cat hijau mudah tanggal bagi laluan berkaitan.

"Sebenarnya kos RM30 juta itu adalah anggaran keseluruhan cadangan pembinaan rangkaian laluan berbasikal dari Tanjung Tokong ke Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas dan seterusnya ke Jambatan Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah.

"Kos tersebut juga termasuk laluan basikal di Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town yang 'dikatakan' bernilai RM30 juta," jelas beliau.

Mengulas lanjut, berhubung isu kualiti cat yang digunakan, Rajendran menjelaskan bahawa pihak MBPP memantau setiap kerja dilakukan pihak kontraktor termasuk bahan yang digunakan.

"Bahan-bahan yang digunakan adalah mengikut piawaian antarabangsa iaitu menggunakan *Deco FA Shield Prime* sebanyak dua lapisan dan *Deco FA Deck UV* juga dua lapisan. Proses ini sahaja mengambil masa sekurang-kurangnya lapan hari untuk siap.

"Walau bagaimanapun, gambar yang disebarkan di portal berita atas talian berdekatan Jalan Masjid Kapitan Keling sebenarnya sedang diperbetulkan oleh pihak kontraktor dan bukannya rosak," ujarnya.

## MBPP ambil tindakan terhadap 'iklan' tanpa lesen

**GEORGE TOWN –** Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) menerusi Unit Bahagian Iklan dan Penguatkuasa bertindak 'menurunkan' lebih 450,000 iklan yang digantung tanpa lesen sepanjang tahun lalu (2015).



**CONTOH permit palsu yang dikesan dicetak bersama atau di atas sepanduk yang diturunkan.**

Ahli Majlisnya, Ong Ah Teong berkata, jumlah tersebut meliputi pelbagai jenis iklan haram seperti sepanduk berjumlah 113,218 keping, banting (120,648), poster 'ah long' (112,320) dan poster biasa (107,214).

"Jumlah tersebut tidak termasuk PTK (Pemberitahuan Tentang Kesalahan) yang dicatatkan sebanyak 547 kes sepanjang tahun lalu. Setiap satu PTK yang dikeluarkan dikenakan kompaun sebanyak RM250 iaitu membabitkan jumlah kutipan keseluruhan sebanyak RM136,750.

"Pada tahun ini, iaitu dari 1 Januari hingga 12 Januari lalu, sebanyak 92 kompaun PTK telah dikeluarkan dengan jumlah melebihi RM23,000," katanya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli-ahli Majlis MBPP, Joseph Ng Soon Siang, Goh Choon Keong dan Teoh Koon Gee.

Dalam perkembangan sama, sebanyak enam poster haram turut 'diturunkan' Majlis di sekitar Daerah Timur Laut (DTL) membabitkan kesalahan iklan tidak berdaftar iaitu menggunakan permit yang dipalsukan.

"Yang terbaru, kita (MBPP) berjaya menurunkan iklan menggunakan permit palsu yang mana ia (permit palsu) dicetak bersama-sama iaitu 'di atas' sepanduk yang digantung.

"Sebagai makluman, Majlis hanya mengeluar dan menggunakan permit jenis berpelekat dan bukannya dicetak bersama sepanduk atau banting berkaitan.

"Untuk kesalahan ini, MBPP akan mengeluarkan kompaun bernilai RM250 untuk setiap satu sepanduk, surat tunjuk sebab dan bekukan lesen iklan syarikat berkaitan selama enam bulan," jelas beliau.

## Nur Zarina rasa bertuah diberi peluang

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**

**GEORGE TOWN –** Pelantikan lima ahli majlis sebagai Pengerusi Jawatankuasa Tetap Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dilihat mampu memantapkan pentadbiran pihak berkuasa tempatan (PBT) berkaitan.

Kenyataan tersebut dinyatakan Datuk Bandar MBPP, Dato' Patahiyah Ismail pada pengumuman pelantikan berkaitan bersempena Mesyuarat Biasa MBPP Pertama Bagi Tahun 2016 di Dewan Bandaran, di sini baru-baru ini.



**NUR Zarina Zakaria.**

Kata Patahiyah, Felix Ooi Keat Hin dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa Tetap Perancangan Pemajuan; Joseph Ng Soon Siang (Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pengurusan Kewangan); Nur Zarina Zakaria (Pengerusi Jawatankuasa Tetap Infrastruktur dan Lalulintas); Ong Ah Teong (Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kesihatan Awam) dan Ahmad Azrizal Tahir (Pengerusi Jawatankuasa Tetap Penguatkuasaan dan Pendidikan Awam).

"Turut tersenarai adalah lantikan Ahli-ahli Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) dan Pihak Berkuasa Pelantikan dan Pihak Berkuasa Tatatertib.

"Lantikan ini adalah berkuatkuasa dari 14 Januari hingga 31 Disember 2016,'' katanya di sini.

Dalam pada itu, Nur Zarina, 35, ketika ditemui menyatakan bahawa beliau berasa bertuah kerana diberikan peluang serta kepercayaan terbabit.

"Alhamdulillah, syukur. Sebagai seorang wanita, saya bertuah diberikan peluang ini.

"Selain meneruskan polisi Majlis (MBPP) dan penambahbaikan dari semasa ke semasa, saya bersama-sama ahli-ahli jawatankuasa yang lain akan meneliti segala kes berbangkit (sekiranya ada) atau yang masih belum sempat dilaksanakan sebelum ini," ujarnya kepada Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Nur Zarina yang mempunyai pengalaman dalam bidang kejuruteraan awam dilantik sebagai Ahli Majlis MBPP sejak tahun 2013.

# Buka Sudut Ilmu ke-2 demi manfaat komuniti

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **AMANDA KHONG**

**JAWI –** Lebih 5,000 buku dikumpul untuk mewujudkan Sudut Ilmu serta memberi manfaat kepada komuniti setempat, kata Soon Lip Chee yang merupakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jawi di sini.

"Sejak menjadi Ahli Majlis MPSP pada tahun 2009, saya dengan dibantu rakan-rakan mengumpulkan buku sehingga kini berjumlah lebih 5,000 buah, dikumpulkan dari seluruh negara.

"Sudut Ilmu Bukit Panchor ini adalah yang kedua di KADUN (Kawasan Dewan Undangan Negeri) Jawi, yang pertama di (dewan) JKKK (Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti) Taman Bestari," katanya pada Majlis Perasmian Pembukaan Sudut Ilmu Bukit Panchor di sini baru-baru ini.

Majlis tersebut disempurnakan Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow.

Hadir sama, Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Dato' Maimunah Mohd. Sharif.

Kon Yeow dalam ucapannya memberitahu, masih terdapat banyak dewan orang ramai yang tidak dimanfaatkan semaksimum mungkin di bahagian Seberang Perai, sebagaimana dilakukan oleh 'pasukan' Lip Chee.

"Kita (Kerajaan Negeri) berharap JKKK mempunyai perancangan untuk memohon dewan yang masih belum digunakan untuk aktiviti komuniti di kawasan masing-masing, selepas ini," ujarnya yang juga ADUN Padang Kota.



(Dari kiri), SOON Lip Chee, Chow Kon Yeow dan Maimunah Mohd. Sharif meramahi kanak-kanak yang memanfaatkan kemudahan di Sudut Ilmu Bukit Panchor pada majlis pelancarannya di sini baru-baru ini.



KANAK-kanak menunjukkan buku-buku yang berjaya dikumpul.

Sebelum itu, Maimunah mendedahkan, di Seberang Perai, terdapat 224 dewan dan 54 daripadanya tidak digunakan atau diurus oleh mana-mana pihak berwajib termasuk JKKK.

Daripada 58 dewan di Daerah Seberang Perai Utara (SPU), jelasnya, terdapat 13 buah tidak digunakan.

"Di Daerah Seberang Perai Tengah (SPT) pula, terdapat 102 dewan dan 25 daripadanya tidak digunakan.

"Di SPS (Seberang Perai Selatan), ada lebih 64 dewan dan 16 daripadanya masih belum digunakan oleh mana-mana pihak.

"Jadi, kita di MPSP sangat menggalakkan mana-mana sahaja pertubuhan berdaftar agar memohon untuk mengurus dan menggunakan dewan-dewan ini, dengan keutamaan diberikan kepada JKKK berwajib," jelas beliau.

Tambah Maimunah, pihak yang berminat untuk membuat permohonan penggunaan dewan-dewan tersebut hanya perlu mengemukakan sijil pendaftaran pertubuhan, senarai ahli jawatankuasa (AJK) pertubuhan dan rancangan aktiviti tahunan, untuk dipertimbangkan oleh MPSP.

## Rejuvinasi tugu kelip-kelip & kapal kargo melalui CSR

Gambar : **ADUN**

**JAWI –** Tugu kelip-kelip dan (tugu) kapal kargo yang menjadi mercu tanda Nibong Tebal akan direjuvinasikan semula oleh pemaju, Epic Valley Holding Sdn. Bhd. menerusi pelaksanaan program tanggungjawab sosial korporat (CSR) pihak berkaitan di sini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jawi, Soon Lip Chee semasa melawat tugu itu memberitahu, projek peremajaan kedua-dua struktur konkrit itu adalah termasuk mengecat semula, memasang lampu serta kerja-kerja landskap.

"Dua mercu tanda Nibong Tebal, tugu kelip-kelip dan tugu kapal kargo bakal diberi nafas baru oleh Epic Valley Holdings Sdn. Bhd dengan mengecat semula, pemasangan lampu serta kerja-kerja landskap.

"Kelip-kelip merupakan sesuatu yang sinonim di laluan Sungai Kerian, manakala, kapal kargo melambangkan sejarah jeti Nibong Tebal sebagai pusat perdagangan pada zaman lampau.

Lanjutan itu, Lip Chee merakamkan penghargaan kepada Pengarah Urusan Epic Valley Holdings, Tan Sri Datuk Paduka Prof. Dr. Fng Ah Seng kerana menyumbang RM88,300 atas nama program CSR dalam pemajuan projek penarafan tersebut.

Dalam pada itu, Ah Seng pada sidang media sama memberitahu, pihaknya berharap CSR yang dilakukan itu turut menyumbang pada usaha-usaha menghijaukan lagi kawasan di sini.

"Dengan kerjasama syarikat-syarikat swasta bersama-sama Kerajaan Negeri dan kerajaan tempatan (PBT), projek landskap dapat dijalankan dengan lebih sempurna," ujarnya.

Kedua-dua tugu itu dibina pada tahun 2007, di lokasi strategik keluar dan masuk ke Nibong Tebal.



SOON Lip Chee (kanan sekali) bersama-sama Fng Ah Seng (tengah) bergambar bersama dengan berlatarbelakangkan tugu kapal kargo pada majlis sidang media di sini baru-baru ini.

# Pesara terharu terima kaki palsu mudah pergerakan

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**DATUK KERAMAT –** Seorang pesara tentera tidak dapat menyembunyikan perasaan gembira selepas menerima bantuan kaki palsu hasil sumbangan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat, Jagdeep Sigh Deo di sini baru-baru ini.

Aziz Naina Mohamed, 73, berkata, pada tahun 2012, kaki kirinya terpaksa dipotong sehingga ke paras lutut akibat penyakit kencing manis yang serius.

"Syukur, alhamdulillah dengan bantuan yang diberikan ini. Saya amat gembira kerana hajat untuk berjalan semula sudah ditunaikan.

"Selepas ini, saya akan berlatih untuk berjalan memandangkan sebelum ini saya banyak menghabiskan masa di atas kerusi roda sahaja ataupun terpaksa meminta bantuan untuk bergerak," ujarnya pada majlis penyerahan sumbangan kaki palsu di kediamannya di Jalan P. Ramlee di sini baru-baru ini.

Menyempurnakan majlis penyerahan sumbangan berkaitan ialah Jagdeep sendiri sambil ditemani Eksekutif Jualan Teh Lin Prosthetic and Orthopedic Co. Sdn. Bhd., Sally Lim.

Menurut Jagdeep yang juga Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, terdapat dua individu di kawasan Datuk Keramat memerlukan bantuan kaki palsu.

"Salah seorang daripadanya ialah Pakcik Aziz (Aziz Naina), yang mana hari ini (15 Januari lalu), kita sampaikan sendiri kepada beliau di kediamannya.

"Seorang lagi penerima adalah di Taman Free School yang juga dijadualkan menerima kaki palsu pada penghujung bulan Januari 2016," jelasnya sambil menyatakan bahawa jumlah sumbangan adalah bernilai RM3,950 hasil daripada peruntukan beliau sebagai ADUN.



**JAGDEEP Singh Deo menyantuni Aziz Naina Mohamad sejurus beliau dipakaikan kaki palsu di sini baru-baru ini.**

# ADUN Jawi gesa Kementerian cukupkan pili bomba berkualiti



**SOON Lip Chee (kanan) dan Toh Kian Kok menunjukkan unit pili bomba yang menjadi 'mangsa' vandalisme di sini baru-baru ini.**

Gambar : **ADUN**

**JAWI –** Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diminta membekalkan pili air bomba yang berkualiti dan mencukupi untuk seluruh Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Jawi.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jawi, Soon Lip Chee memberitahu, langkah itu adalah penting demi mengelak masalah teknikal sebagaimana dalam kejadian kebakaran sebuah kilang pada tahun 2013.

"Saya masih ingat satu kebakaran kilang berlaku di Jalan Changkat pada tahun 2013, anggota-anggota bomba perlu mengambil air dari sungai berdekatan disebabkan lokasi kebakaran tidak mempunyai pili bomba dan ini telah melambatkan kerja-kerja pemadaman api pada ketika itu," katanya pada satu sidang media berkenaan masalah pili bomba di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ketua Pasukan Pasukan Bomba Sukarela Nibong Tebal, Toh Kian Kok yang turut menyertai lawatan meninjau keadaan pili bomba di sini.

Menurut Lip Chee, kira-kira 800 pili bomba di Jawi, tidak meliputi semua kawasan serta agak terhad di kawasan pekan lama dan kampung.

"Kebanyakan pili bomba ini dipasang di taman perumahan baru dan kuantitinya jauh lebih banyak berbanding dengan pili bomba yang dipasang di kawasan luar bandar," tegas beliau.

Dalam pada itu, pada sidang media sama, Kian Kok memberitahu bahawa pili bomba sedia ada tidak dapat menampung keperluan di Jawi, malah tidak seimbang dari segi penempatan.

"Walaupun pasukan kami telah banyak kali membuat permohonan penambahan pili bomba baru, namun permohonan ditolak dengan sebab peruntukan tidak mencukupi," jelasnya.

Tambah Kian Kok, selain menjalankan tugas-tugas khas, pasukannya senantiasa mengambil berat tentang penyelenggaraan setiap pili bomba dengan melakukan pemeriksaan serta pembersihan secara berkala.



**SALAH seorang peserta menunjukkan kebolehan mengupas kelapa pada penganjuran Karnival Santai Rakyat dan Sukan Komuniti SPS di sini baru-baru ini.**

# Cadang JKKK sertai Karnival Santai Rakyat, sebahagian KPI - ADUN

Gambar : **ADUN**

**JAWI –** Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jawi, Soon Lip Chee berharap penganjuran Karnival Santai Rakyat dan Sukan Komuniti Seberang Perai Selatan (SPS) dapat diperluaskan pada masa hadapan dengan tujuan mendekatkan rakyat dengan kepimpinan Kerajaan Negeri.

"Dengan adanya karnival seperti ini, hubungan antara semua pihak dapat dieratkan.

"Saya cadangkan pada masa hadapan, karnival seumpamanya dapat diadakan sekurang-kurangnya dalam tempoh tiga hari dengan pengisian pelbagai acara melibatkan semua lapisan masyarakat.

"Malah, juga perlu diwajibkan penyertaan semua JKKK (Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti) SPS sebagai salah satu KPI (Penunjuk Prestasi Utama) pihak berkaitan," katanya pada penganjuran berkaitan di sini baru-baru ini.



**ACARA boling kelapa yang menarik perhatian.**

Majlis perasmian penganjuran disempurnakan Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon.

Antara acara padang yang dipertandingkan adalah kukur kelapa, lari dalam guni dan jalan menggunakan tempurung kelapa.

Malah, para pengunjung turut dihiburkan dengan pertunjukan seni mempertahankan diri seperti kungfu, silat dan tomoi.




## JADUAL PROGRAM SARINGAN MAMMOGRAM PERCUMA PULAU PINANG 2016

| | Sabtu | Pulau Pinang | Seberang Perai | Ahad | Pulau Pinang | Seberang Perai |
|---|---|---|---|---|---|---|
| Jan | 9 | Teluk Bahang | Penaga | 10 | Sungai Pinang | Sungai Puyu |
| | 16 | Tanjong Bungah | Seberang Jaya | 17 | Pantai Jerjak | Penanti |
| | 23 | Padang Kota | Bukit Tambun | 24 | Batu Maung | Perai |
| | 30 | Air Putih | Bagan Jermal | 31 | Seri Delima | Sungai Bakap |
| Feb | 6 | | | 7 | | |
| | 13 | | | 14 | | |
| | 20 | Dato Keramat | Bertam | 21 | Pulau Betong | Berapit |
| | 27 | Batu Lanchang | Pmtg Pasir | 28 | Pengkalan Kota | Padang Lalang |
| Mar | 5 | Kebun Bunga | Bukit Tengah | 6 | Pulau Tikus | Jawi |
| | 12 | Batu Uban | Machang Bubok | 13 | Bayan Lepas | Pinang Tunggal |
| | 19 | Paya Terubong | Sungai Acheh | 20 | Komtar | Pmtg Berangan |
| | 26 | Bagan Dalam | Sg Dua | 27 | Air Itam | Telok Air Tawar |
| Apr | 2 | Sungai Pinang | Sungai Puyu | 3 | Teluk Bahang | Penaga |
| | 9 | Pantai Jerjak | Penanti | 10 | Tanjong Bungah | Seberang Jaya |
| | 16 | Batu Maung | Perai | 17 | Padang Kota | Bukit Tambun |
| | 23 | Seri Delima | Sungai Bakap | 24 | Air Putih | Bagan Jermal |
| | 30 | Pulau Betong | Berapit | 1 | Labour Day | |
| Mei | 7 | Pengkalan Kota | Padang Lalang | 8 | Dato Keramat | Bertam |
| | 14 | Pulau Tikus | Jawi | 15 | Batu Lanchang | Pmtg Pasir |
| | 21 | Wesak Day | | 22 | Kebun Bunga | Bukit Tengah |
| | 28 | Bayan Lepas | Pinang Tunggal | 29 | Batu Uban | Machang Bubok |

Oleh : **ME**

